

D.R. 26/2009

RANG UNDANG-UNDANG YAYASAN LABUAN 2009

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN AKTA

3. Pentadbiran Akta

BAHAGIAN III

PENUBUHAN YAYASAN LABUAN

4. Penubuhan yayasan Labuan
5. Pengasas yayasan Labuan
6. Benefisiari di bawah yayasan Labuan
7. Maksud dan matlamat yayasan Labuan
8. Piagam yayasan Labuan
9. Pindaan piagam
10. Artikel yayasan Labuan
11. Harta yayasan Labuan
12. Kuasa dan obligasi pengasas

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN YAYASAN LABUAN

13. Nama yayasan Labuan
14. Pendaftaran
15. Perakuan pendaftaran

Fasal

16. Daftar yayasan Labuan
17. Perubahan butiran
18. Pertukaran nama
19. Hak dan obligasi yayasan Labuan tidak terjejas oleh pertukaran nama
20. Pemotongan
21. Kesan pemotongan
22. Kemasukan semula ke dalam daftar
23. Pendomisilan semula di Labuan
24. Pendomisilan semula di negara lain

BAHAGIAN V

MAJLIS, PEGAWAI DAN SETIAUSAHA

Majlis

25. Pelantikan majlis
26. Mesyuarat majlis
27. Kehilangan kelayakan anggota majlis
28. Pemberhentian anggota majlis
29. Pelantikan orang yang menyelia
30. Pelantikan anggota majlis oleh Mahkamah
31. Kuasa majlis
32. Hak majlis
33. Kewajipan majlis
34. Sebutan mengenai majlis terpakai bagi anggota majlis yang bertindak bersesama dan berasingan

Pegawai

35. Pelantikan pegawai
36. Mesyuarat pegawai
37. Kehilangan kelayakan pegawai
38. Kewajipan pegawai
39. Pemberhentian pegawai
40. Saraan pegawai

Setiausaha

41. Setiausaha
42. Pemberhentian setiausaha
43. Dokumen hendaklah difailkan melalui setiausaha

Fasal

Pejabat berdaftar

44. Pejabat berdaftar
45. Dokumen hendaklah disimpan di pejabat berdaftar
46. Bentuk rekod yayasan Labuan
47. Terjemahan dokumen dan surat cara
48. Pemeriksaan dan pengemukaan dokumen yang disimpan oleh yayasan Labuan
49. Pemeriksaan dan pengemukaan dokumen yang disimpan oleh Lembaga

BAHAGIAN VI

KEUPAYAAN YAYASAN LABUAN

50. Keupayaan dan kuasa
51. Pengesahan perbuatan yang dilakukan melampaui keupayaan
52. Kuasa pegawai mengikat yayasan Labuan
53. Penyempurnaan kontrak, dokumen oleh yayasan Labuan
54. Penzahiran kepentingan
55. Liabiliti anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai dan setiausaha
56. Mahkamah boleh memberi relief
57. Wang atau harta lain daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang
58. Pelupusan secara fraud
59. Akaun hendaklah disimpan
60. Audit yayasan Labuan
61. Tidak boleh berkuat kuasanya tuntutan atau penghakiman luar negara

BAHAGIAN VII

BENEFISIARI

62. Hak benefisiari bagi maklumat berkaitan dengan kepentingannya
63. Hak benefisiari bagi kerahsiaan
64. Mahkamah boleh memerintahkan maklumat diberikan kepada benefisiari
65. Pembahagian harta kepada benefisiari
66. Perwakilan kuasa untuk memberi kuasa pembahagian kepada benefisiari oleh pegawai

BAHAGIAN VIII

PEMBUBARAN

Fasal

67. Pembubaran
68. Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan pembubaran
69. Pembahagian harta

BAHAGIAN IX

PERUNTUKAN AM

70. Fi
71. Kerahsiaan
72. Hak untuk mendapatkan maklumat
73. Sulit
74. Pendakwaan
75. Kesalahan yang berhubungan dengan dokumen yayasan Labuan
76. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
77. Kuasa mengkompaun
78. Kuasa untuk mengenakan penalti pentadbiran
79. Kuasa am untuk menetapkan dan menentukan
80. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan
81. Kuasa Menteri untuk meminda Jadual
82. Kuasa Menteri untuk memberikan pengecualian
83. Tatacara jika tidak ditetapkan
84. Pemakaian Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan, pengawalseliaan dan pembubaran yayasan di Labuan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Yayasan Labuan 2009.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“artikel” ertinya artikel sesuatu yayasan Labuan yang diperuntukkan dalam seksyen 10;

“aset permulaan” ertinya harta yang diderma secara kekal oleh pengasas atau pengasas-pengasas, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada masa penubuhan sesuatu yayasan Labuan dan yang terletak hak pada dan merupakan harta yayasan itu;

“benefisiari” ertinya seseorang yang ditetapkan sebagai benefisiari di bawah peruntukan dokumen konstituen suatu yayasan Labuan;

“benefisiari yang tinggal” ertinya seseorang atau orang yang, mengikut dokumen konstituen suatu yayasan Labuan, adalah berhak untuk menerima apa-apa harta yang tinggal selepas pembubaran atau penggulangan yayasan Labuan itu;

“daftar” ertinya daftar mengenai yayasan Labuan yang didaftarkan di bawah Akta ini yang disenggarakan di bawah seksyen 16;

“dokumen konstituen” ertinya piagam dan artikel, sesuatu yayasan Labuan;

“harta” termasuklah—

- (a) tiap-tiap jenis harta, sama ada zahir atau tidak zahir, alih atau tak alih, ketara atau tidak ketara, walau bagaimanapun diperolehi; dan
- (b) dokumen atau surat cara undang-undang dalam apa-apa bentuk, termasuk elektronik atau digital, yang membuktikan hakmilik kepada atau kepentingan dalam harta yang diperihalkan dalam perenggan (a), termasuk cek bank, kiriman wang, saham, sekuriti, bon, draf bank dan surat kredit;

“harta Malaysia” ertinya apa-apa harta yang terletak di Malaysia;

“juruaudit diluluskan” ertinya seseorang yang diluluskan oleh Lembaga sebagai seorang juruaudit diluluskan di bawah seksyen 10 Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*];

“Labuan” ertinya Wilayah Persekutuan Labuan;

“Lembaga” ertinya Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 [*Akta 545*];

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi atau seseorang hakim Mahkamah Tinggi;

“anggota majlis” dan “majlis” ertinya majlis sesuatu yayasan Labuan yang dilantik mengikut seksyen 25 dan anggota majlis hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“Malaysia” ertinya wilayah-wilayah dalam Persekutuan Malaysia, perairan wilayah Malaysia dan dasar laut dan tanah bawah perairan wilayah itu, dan termasuk mana-mana kawasan yang melangkaui

had wilayah perairan Malaysia, dan dasar laut dan tanah bawah mana-mana kawasan sedemikian, yang telah atau mungkin selepas ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut undang-undang antarabangsa sebagai kawasan yang terhadapnya Malaysia mempunyai hak kedaulatan bagi maksud menjelajah dan mengeksploitasi sumber semula jadinya, sama ada yang berupa hidupan atau bukan hidupan;

“menderma secara kekal” ertinya memindahkan, atau berwaad untuk memindahkan, hakmilik mengenai harta, secara mutlak supaya pemindahan hakmilik harta itu dipindah hakmilik secara berkesan, dengan atau tanpa balasan, kepada sesuatu yayasan Labuan supaya harta itu menjadi harta yayasan Labuan itu;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“orang” termasuklah suatu perbadanan, suatu perkongsian, kumpulan orang, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, dan suatu perbadanan seorang;

“orang yang menyelia” ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang yang mempunyai kuasa seliaan terhadap sesuatu yayasan Labuan dan dilantik di bawah piagam yayasan Labuan itu.;

“piagam” ertinya piagam suatu yayasan Labuan yang diperuntukkan dalam seksyen 8;

“pegawai” ertinya pegawai yayasan Labuan yang dilantik mengikut seksyen 35;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Lembaga di bawah subseksyen 3(2);

“pemastautin” ertinya mana-mana orang—

- (a) yang merupakan warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; atau
- (b) yang telah menubuhkan suatu tempat perniagaan dan sedang beroperasi di Malaysia, selain sesuatu syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990, sesuatu yayasan Labuan yang ditubuhkan di bawah Akta ini, sesuatu

perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan 2009 [Akta],

dan termasuklah seseorang yang diisytihar sebagai pemastautin menurut seksyen 43 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [Akta 17];

“penalti pentadbiran” ertinya penalti yang dikenakan mengikut seksyen 78;

“pengasas” ertinya orang yang menurunkan tandatangannya pada piagam yang menubuhkan sesuatu yayasan Labuan yang bertindak sama ada bagi dirinya atau bagi pihak orang lain dan yang, melalui pemindahan hak milik, menderma secara kekal aset permulaan yayasan Labuan itu;

“perakuan pendaftaran” ertinya perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah seksyen 15 apabila suatu yayasan Labuan didaftarkan;

“perbadanan” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan, yang ditubuhkan atau diperbadankan, atau yang berada di dalam atau di luar Malaysia dan termasuklah mana-mana syarikat Labuan asing tetapi tidak termasuk—

- (a) mana-mana perbadanan seorang;
- (b) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah undang-undang bertulis sebagai suatu kesatuan sekerja; dan
- (c) mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan koperasi;

“setiausaha” ertinya suatu syarikat Amanah Labuan yang dilantik sebagai setiausaha mengikut seksyen 41;

“syarikat Labuan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat Labuan 1990.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN AKTA

Pentadbiran Akta

3. (1) Lembaga hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran Akta ini tertakluk kepada arahan am dan kawalan Menteri.

(2) Lembaga boleh memberi kuasa mana-mana anggota atau pegawainya untuk melaksanakan apa-apa fungsinya, menjalankan apa-apa kuasanya atau menunaikan apa-apa kewajipannya di bawah Akta ini.

(3) Tertakluk kepada apa-apa had, jika ada, sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga, seorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah menggunakan semua kuasa, melaksanakan semua kewajipan dan menjalankan semua fungsi Lembaga dan setiap kuasa yang digunakan sedemikian, kewajipan yang dilaksanakan sedemikian dan fungsi yang dijalankan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai telah digunakan, dilaksanakan dan dijalankan dengan sewajarnya bagi maksud Akta ini.

BAHAGIAN III

PENUBUHAN YAYASAN LABUAN

Penubuhan yayasan Labuan

4. (1) Mana-mana orang boleh, dengan menurunkan tandatangannya pada piagam suatu yayasan Labuan sebagai pengasasnya dan dengan mematuhi kehendak Akta ini, menubuhkan suatu yayasan Labuan.

(3) Penubuhan suatu yayasan Labuan tidak sempurna sehingga suatu sijil pendaftaran berkenaan dengan yayasan Labuan itu telah dikeluarkan di bawah Bahagian IV.

Pengasas yayasan Labuan

5. (1) Pengasas suatu yayasan Labuan bolehlah seorang pemastautin atau bukan pemastautin.

(2) Harta yayasan Labuan tidak boleh termasuk apa-apa harta Malaysia melainkan jika kebenaran daripada Lembaga diperoleh terlebih dahulu atau yayasan itu adalah yayasan bagi tujuan kebajikan.

Benefisiari di bawah yayasan Labuan

6. (1) Benefisiari-benefisiari bagi yayasan Labuan bolehlah seorang pemastautin atau bukan pemastautin.

(2) Jika harta sesuatu yayasan Labuan termasuk harta Malaysia, Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] hendaklah terpakai bagi apa-apa pendapatan yang berpunca daripadanya.

(3) Pendapatan yang berpunca daripada apa-apa harta yang bukan harta Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*].

Maksud dan matlamat yayasan Labuan

7. (1) Maksud atau matlamat utama suatu yayasan Labuan hendaklah pengurusan hartanya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), maksud atau matlamat suatu yayasan Labuan boleh termasuk apa-apa maksud atau matlamat yang tidak menyalahi undang-undang, tidak bertentangan dengan moral atau tidak bertentangan dengan mana-mana dasar awam di Malaysia dan apa-apa maksud atau matlamat itu boleh bersifat khairat atau bukan khairat.

(3) Maksud atau matlamat suatu yayasan Labuan hendaklah disebut dengan nyata dalam piagamnya.

(4) Suatu yayasan Labuan boleh, dalam penjalanan pengurusan hartanya, melakukan apa-apa perkara dan menjalankan apa-apa kuasa yang perlu bagi pentadbiran yang sepatutnya hartanya, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembelian dan penjualan harta itu dan melibatkan diri dalam apa-apa perbuatan atau aktiviti yang tidak dilarang di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa di Malaysia, tetapi perbuatan atau aktiviti sedemikian hendaklah bersampingan atau berkaitan dengan maksud atau matlamat yayasan Labuan itu.

Piagam yayasan Labuan

8. (1) Tiap-tiap yayasan Labuan hendaklah mempunyai piagam, yang hendaklah ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pengasas.

(2) Piagam sesuatu yayasan Labuan hendaklah menyatakan butiran yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(3) Piagam sesuatu yayasan Labuan boleh membuat peruntukan bagi, tetapi tidak terhad kepada, perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(4) Jika piagam tidak mengandungi apa-apa peruntukan mengenai apa-apa perkara, peruntukan Akta ini berkenaan dengan perkara itu hendaklah terpakai.

Pindaan piagam

9. (1) Jika piagam sesuatu yayasan Labuan mengadakan peruntukan bagi pindaan piagam itu, piagam itu boleh dipinda mengikut tatacara yang dinyatakan dalam piagam itu atau, jika piagam tidak mengandungi apa-apa tatacara sedemikian, mengikut tatacara yang berikut:

(a) pengasas atau pegawai hendaklah memanggil suatu mesyuarat yang terdiri daripada—

(i) pengasas atau estetnya, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(ii) pegawai-pegawai; dan

(iii) majlis yayasan Labuan, jika ada; dan

(b) resolusi bagi pindaan piagam itu hendaklah diterima pakai hanya jika dipersetujui oleh—

(i) pengasas atau estetnya, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(ii) pegawai-pegawai; dan

(iii) majlis yayasan Labuan, jika ada.

(2) Pegawai-pegawai sesuatu yayasan Labuan boleh membuat ketetapan mengenai pindaan ke atas piagam yayasan Labuan itu sebagaimana yang pada pendapat mereka adalah perlu dalam hal keadaan itu untuk mengekalkan maksud dan matlamat yayasan Labuan itu, dan hendaklah memohon kepada Mahkamah bagi kelulusannya ke atas pindaan yang dicadangkan kepada piagam yayasan Labuan itu dalam hal—

- (a) suatu persetujuan tidak dapat dicapai bagi apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada piagam itu;
- (b) piagam itu tidak mempunyai peruntukan bagi pindaan; atau
- (c) peruntukan seksyen ini tidak dapat dipatuhi kerana pengasasnya tidak lagi hidup atau wujud.

(3) Mahkamah boleh, menurut suatu permohonan di bawah subseksyen (2), membuat suatu perintah yang mengesahkan pindaan itu, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut olehnya, atau boleh membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkan suai manfaat olehnya bagi memudahkan atau melaksanakan dengan berkesan apa-apa pindaan sedemikian, atau menolak permohonan itu.

Artikel yayasan Labuan

10. (1) Jika piagam sesuatu yayasan Labuan mengadakan peruntukan bahawa artikel hendaklah dibuat atau boleh dibuat, artikel itu boleh mengadakan peruntukan bagi, tetapi tidak terhad kepada, perkara-perkara yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Jika sesuatu yayasan Labuan tiada artikel mengenai apa-apa perkara, peruntukan Akta ini berkenaan dengan perkara itu hendaklah terpakai.

Harta yayasan Labuan

11. (1) Apa-apa harta yang diderma secara kekal kepada sesuatu yayasan Labuan hendaklah menjadi harta yayasan Labuan itu dengan hakmilik di sisi undang-undang dan hakmilik benefisial,

sepenuhnya, dan hendaklah terhenti menjadi harta pengasas itu dan tidak boleh menjadi harta seseorang benefisiari melainkan jika harta itu dibahagikan mengikut peruntukan dokumen konstituen dan peruntukan Akta ini.

(2) Harta sesuatu yayasan Labuan hendaklah diuruskan secara khususnya, termasuk direalisasikan, digunakan, ditadbirkan, dilaburkan dan dibelanjakan mengikut dokumen konstituen dan peruntukan Akta ini bagi mencapai maksud dan matlamat yayasan Labuan itu.

Kuasa dan obligasi pengasas

12. (1) Jika terdapat lebih daripada seorang pengasas, kuasa pengasas di bawah dokumen konstituen dan Akta ini hanya boleh dijalankan oleh kesemua pengasas itu secara bersesama dan dengan niat yang sama, melainkan jika dokumen konstituen memperuntukkan selainnya.

(2) Pengasas boleh, dalam piagam yayasan Labuan atau melalui surat cara secara bertulis yang boleh dibatalkan atau tidak boleh dibatalkan, menyerahkan atau memindahkan mana-mana atau kesemua hak, kuasa dan obligasinya di bawah Akta ini dan dokumen konstituen yayasan Labuan itu kepada mana-mana orang sebagaimana yang ditentukan oleh pengasas itu mengikut budi bicara mutlaknyanya.

(3) Orang yang kepadanya pengasas telah menyerahkan atau memindahkan mana-mana atau kesemua hak, kuasa dan obligasinya di bawah Akta ini dan dokumen konstituen yayasan Labuan itu hendaklah disifatkan sebagai pengasas apabila menggunakan mana-mana hak dan menjalankan kuasa dan menunaikan obligasi itu.

(4) Jika pengasas membuat suatu aku janji, yang direkodkan dalam piagam yayasan Labuan itu, untuk menderma secara kekal apa-apa harta kepada yayasan Labuan itu, yayasan Labuan itu—

- (a) boleh menguatkuasakan aku janji itu terhadap pengasas itu; dan

- (b) hendaklah menguatkuasakan aku janji itu berkenaan dengan aset permulaan yayasan Labuan itu, jika pada akhir tempoh dua belas bulan dari tarikh pendaftaran, harta yang merupakan aset permulaan itu belum menjadi harta yayasan Labuan itu.

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN YAYASAN LABUAN

Nama yayasan Labuan

13. (1) Nama sesuatu yayasan Labuan hendaklah berakhir dengan perkataan “Labuan Foundation” atau “(L) Foundation”.

(2) Nama sesuatu yayasan Labuan boleh—

(a) dalam huruf rumi, apa-apa perkataan atau perkataan-perkataan dalam bahasa ibunda mana-mana negara yang membawa maksud suatu yayasan, atau apa-apa singkatannya, sebagai sebahagian namanya; atau

(b) dalam huruf, abjad atau bahasa asing dengan syarat bahawa terjemahan yang tepat dan diperaku bagi nama itu dalam bahasa Inggeris digunakan dan dinyatakan dengan jelas dalam tiap-tiap komunikasi bertulis yang dihantar oleh, atau bagi pihak, yayasan Labuan itu dan tiap-tiap dokumen yang dikeluarkan atau ditandatangani oleh, atau bagi pihak, yayasan Labuan itu yang menjadi keterangan atau mewujudkan obligasi di sisi undang-undang bagi yayasan itu.

(3) Kecuali dengan persetujuan Menteri, sesuatu yayasan Labuan tidak boleh didaftarkan jika nama yayasan Labuan yang hendak didaftarkan itu adalah pada pendapat Lembaga mengelirukan dalam apa-apa cara atau selainnya tidak diingini.

(4) Tiada perihalan mengenai sesuatu yayasan Labuan boleh disifatkan tidak mencukupi atau tidak betul oleh sebab penggunaan singkatan atau singkatan-singkatan sebagai ganti apa-apa perkataan atau perkataan-perkataan yang disebut dalam subseksyen (2).

Pendaftaran

14. (1) Sesuatu permohonan bagi pendaftaran suatu yayasan Labuan hendaklah dibuat oleh setiausaha yayasan Labuan itu kepada Lembaga dalam borang yang disediakan oleh Lembaga, dan disertakan dengan fi yang ditetapkan dan dokumen yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(2) Setiausaha hendaklah, sebelum permohonan dibuat dalam subseksyen (1), menjalankan siasatan yang munasabah untuk menentusahkan maklumat yang dizahirkan dalam permohonan itu.

(3) Setiausaha hendaklah mengemukakan apa-apa butiran lain sebagaimana yang dihasratkan oleh setiausaha mengikut budi bicara mutlaknya untuk dimasukkan dalam permohonan itu.

(4) Lembaga boleh meminta butiran selanjutnya dikemukakan oleh yayasan Labuan yang memohon untuk didaftarkan.

Perakuan pendaftaran

15. (1) Apabila sesuatu yayasan Labuan didaftarkan, Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu perakuan berkenaan dengan pendaftaran itu dan perakuan itu hendaklah ditandatangani oleh Lembaga atau mana-mana pegawai diberi kuasanya dan dimeteraikan dengan meterai Lembaga.

(2) Perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa yayasan Labuan itu didaftarkan, dengan nama yang dinyatakan dalam perakuan, dengan Lembaga.

Daftar yayasan Labuan

16. Lembaga hendaklah menyenggara atau menyebabkan disenggara suatu daftar yayasan Labuan yang didaftarkan di bawah Akta ini.

Perubahan butiran

17. (1) Jika apa-apa perubahan dibuat atau berlaku berhubung mana-mana butiran yang didaftarkan berkenaan dengan sesuatu yayasan Labuan, setiausaha yayasan Labuan itu hendaklah dalam tempoh tiga puluh hari selepas perubahan itu, atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Lembaga atas permohonan, memfailkan dengan Lembaga suatu notis yang ditandatangani oleh seorang pegawai yayasan Labuan itu, yang menyatakan bentuk perubahan itu.

(2) Jika sesuatu yayasan Labuan tidak mematuhi subseksyen (1), yayasan Labuan itu, setiausaha dan tiap-tiap pegawai yang ingkar bolehlah dikenakan penalti pentadbiran.

Pertukaran nama

18. (1) Sesuatu yayasan Labuan boleh, jika dibenarkan oleh piagamnya, menukar namanya.

(2) Jika sesuatu yayasan Labuan menukar namanya, yayasan itu hendaklah menyerahkan notis mengenai pertukaran itu kepada Lembaga mengikut peruntukan subseksyen 17(1).

(3) Jika sesuatu yayasan Labuan tidak mematuhi subseksyen (2), yayasan Labuan itu, setiausaha dan tiap-tiap pegawai yang ingkar bolehlah dikenakan penalti pentadbiran.

(4) Jika Lembaga meluluskan nama yang dicadangkan oleh yayasan Labuan itu sebagai nama barunya, Lembaga boleh, apabila fi yang ditetapkan dibayar, mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran bagi yayasan Labuan itu atas nama barunya dan apabila dikeluarkan perakuan pendaftaran itu pertukaran nama itu hendaklah berkuat kuasa.

(5) Jika nama sesuatu yayasan Labuan, sama ada kerana tidak disengajakan atau selainnya dan sama ada pada asalnya atau melalui pertukaran nama, ialah nama yang dengannya yayasan Labuan itu tidak boleh didaftarkan tanpa menyalahi seksyen 13, yayasan Labuan itu hendaklah menukar namanya kepada suatu nama yang diluluskan oleh Lembaga.

(6) Jika Lembaga meluluskan pertukaran nama yayasan Labuan di bawah subseksyen (5), yayasan Labuan itu hendaklah menukar namanya sedemikian dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh kelulusan itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Lembaga, melainkan jika Menteri, melalui notis bertulis, membatalkan kelulusan itu.

Hak dan obligasi yayasan Labuan tidak terjejas oleh pertukaran nama

19. (1) Pertukaran nama sesuatu yayasan Labuan tidak menjejaskan identiti yayasan Labuan itu atau mana-mana hak atau obligasi yayasan Labuan itu atau mencatatkan apa-apa prosiding oleh atau terhadap yayasan Labuan itu.

(2) Apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, yang belum selesai atau sedia ada oleh atau terhadap yayasan Labuan itu atas namanya yang terdahulu, boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap yayasan Labuan itu atas nama baru yayasan Labuan itu.

Pemotongan

20. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Akta ini, jika Lembaga berpuas hati bahawa sesuatu yayasan Labuan—

(a) tidak membayar fi tahunan yang disebut dalam seksyen 68; atau

(b) melanggar mana-mana peruntukan Akta ini,

Lembaga boleh menyampaikan suatu notis kepada yayasan Labuan itu memberitahunya bahawa nama yayasan Labuan itu akan dipotong daripada daftar, melainkan jika yayasan Labuan itu mengambil apa-apa langkah atau tindakan untuk meremеди pelanggaran itu sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis itu atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang dilanjutkan oleh Lembaga.

(2) Sekiranya Lembaga—

(a) menerima daripada yayasan Labuan itu suatu notis yang menyatakan bahawa ada kemungkinan yayasan itu tidak berupaya meremеди pelanggaran yang dinyatakan dalam notis yang disampaikan kepada yayasan Labuan itu di bawah subseksyen (1); atau

- (b) tidak menerima apa-apa jawapan kepada notis yang disampaikan kepada yayasan Labuan itu di bawah subseksyen (1),

Lembaga boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis yang disampaikan di bawah subseksyen (1) atau selepas itu, memotong nama yayasan Labuan itu daripada daftar melainkan jika yayasan Labuan itu atau mana-mana orang memuaskan hati Lembaga bahawa nama itu tidak patut dipotong.

Kesan pemotongan

21. (1) Jika nama sesuatu yayasan Labuan dipotong daripada daftar, yayasan Labuan itu, pelikuidasi dan penerima yayasan Labuan itu, tidak boleh—

- (a) memulakan atau membuat pembelaan dalam mana-mana prosiding undang-undang, menjalankan apa-apa urusan atau dengan apa-apa cara menguruskan harta yayasan Labuan itu;
- (b) membuat pembelaan dalam mana-mana prosiding undang-undang, membuat apa-apa tuntutan atau menuntut apa-apa hak bagi, atau atas nama yayasan Labuan itu; atau
- (c) bertindak mengikut apa-apa cara berkenaan dengan hal-hwal yayasan Labuan itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika nama sesuatu yayasan Labuan telah dipotong dari daftar, yayasan Labuan itu, pelikuidasi dan penerima yayasan Labuan itu boleh—

- (a) memohon kepada Lembaga untuk memasukkan semula nama yayasan Labuan itu ke dalam daftar;
- (b) meneruskan pembelaan terhadap prosiding yang dimulakan terhadap yayasan Labuan sebelum tarikh pemotongan itu; dan
- (c) meneruskan apa-apa prosiding undang-undang yang telah dimulakan bagi pihak yayasan Labuan sebelum tarikh pemotongan itu.

(3) Hakikat bahawa nama sesuatu yayasan Labuan telah dipotong daripada daftar tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang—

- (a) yayasan Labuan itu daripada bertanggung bagi apa-apa liabiliti, tuntutan, hutang, dan daripada menjalankan apa-apa obligasinya;
- (b) mana-mana orang daripada membuat apa-apa tuntutan terhadap yayasan Labuan itu dan meneruskan tuntutan itu sehingga penghakiman atau pelaksanaannya; atau
- (c) Mahkamah daripada membuat apa-apa perintah yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

Kemasukan semula ke dalam daftar

22. (1) Jika nama sesuatu yayasan Labuan telah dipotong daripada daftar di bawah seksyen 20, yayasan Labuan itu boleh, dalam tempoh tiga tahun sebaik selepas tarikh pemotongan itu, memohon kepada Lembaga supaya namanya dimasukkan semula ke dalam daftar.

(2) Apabila dibayar kepada Lembaga fi yang ditetapkan termasuk apa-apa fi lain yang ditetapkan yang kena dibayar, Lembaga boleh memasukkan semula nama yayasan Labuan itu ke dalam daftar.

(3) Apabila nama yayasan Labuan itu dimasukkan semula ke dalam daftar di bawah subseksyen (2), nama yayasan Labuan itu hendaklah disifatkan tidak pernah dipotong daripada daftar.

Pendomisilan semula di Labuan

23. (1) Sesuatu yayasan yang ditubuhkan di bawah undang-undang negara atau bidang kuasa lain boleh, tertakluk kepada subseksyen (2), dan jika dibenarkan sedemikian oleh undang-undang negara atau bidang kuasa itu, berdomisil semula di Labuan dan didaftarkan seolah-olah yayasan itu telah ditubuhkan di bawah Akta ini.

(2) Sesuatu yayasan yang ditubuhkan di bawah undang-undang negara atau bidang kuasa lain yang memenuhi kehendak Akta ini boleh berdomisil semula di Labuan—

- (a) dengan menyerahkan kepada Lembaga—
 - (i) suatu permohonan bertulis yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh kesemua pegawai, atau yang setara dengannya, yayasan itu, memohon supaya Lembaga mendaftarkan yayasan itu di bawah Akta ini;

- (ii) suatu pernyataan yang mengandungi butir-butir yang dikehendaki di bawah Jadual Pertama; dan
- (iii) suatu akuan berkanun oleh setiausaha atau mana-mana pegawai yang setara dengannya, mengenai pematuhan kesemua kehendak yang berkaitan Akta ini; dan

(b) apabila dibayar fi yang ditetapkan.

(3) Lembaga boleh, apabila menerima dokumen dan bayaran fi di bawah subseksyen (2), mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran.

(4) Apabila perakuan pendaftaran dikeluarkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (3)—

- (a) yayasan itu berupaya menjalankan segala kuasa suatu yayasan Labuan yang didaftarkan di bawah Akta ini dan tidak lagi akan diperlakukan sebagai suatu yayasan yang didaftarkan di bawah undang-undang negara yang darinya yayasan itu didomisilkan semula;
- (b) segala harta dan aset lain yayasan itu, termasuk hak dalam tindakan, hendaklah terus terletak hak pada yayasan itu;
- (c) yayasan itu hendaklah terus bertanggung bagi segala tuntutan, hutang, liabiliti dan obligasinya yang sedia ada sebelum pendaftarannya di bawah Akta ini;
- (d) tiada sabitan, penghakiman, arahan, perintah, tuntutan, hutang, liabiliti atau obligasi yang tertunggak atau yang menjadi tertunggak dan tiada kausa tindakan yang sedia ada, terhadap yayasan itu atau terhadap mana-mana anggota majlis, pegawai atau ejen yayasan itu, boleh dilepaskan atau menjadi cacat disebabkan pendaftarannya di bawah Akta ini; dan
- (e) tiada prosiding, sama ada sivil atau jenayah, yang belum selesai oleh atau terhadap yayasan itu atau terhadap mana-mana anggota majlis, pegawai atau ejen yayasan itu, boleh digugurkan atau diberhentikan oleh sebab pendaftarannya di bawah Akta ini, dan prosiding itu boleh diteruskan, dikuatkuasakan, didakwa, diselesaikan atau dikompromi oleh atau terhadap yayasan itu atau terhadap anggota majlis, pegawai atau ejen yayasan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pendomisilan semula di negara lain

24. (1) Sesuatu yayasan Labuan yang didaftarkan di bawah Akta ini boleh, tertakluk kepada apa-apa had dalam dokumen konstituennya, berdomisil semula dan didaftarkan di bawah undang-undang negara lain itu mengikut cara yang diperuntukkan di bawah undang-undang itu.

(2) Sesuatu yayasan Labuan yang didaftarkan di bawah Akta ini yang berdomisil semula dan berdaftar di bawah undang-undang negara lain, tidak berhenti menjadi yayasan Labuan yang didaftarkan di bawah Akta ini melainkan jika undang-undang negara lain itu membenarkan pendomisilan semula dan pendaftaran itu dan yayasan Labuan itu mematuhi undang-undang itu.

(3) Jika sesuatu yayasan Labuan didaftarkan di bawah Akta ini berdomisil semula dan berdaftar di bawah undang-undang negara lain—

- (a) yayasan itu hendaklah terus bertanggungjawab bagi kesemua tuntutan, hutang, liabiliti dan obligasinya yang wujud sebelum pendaftarannya di bawah undang-undang negara lain itu;
- (b) tiada sabitan, penghakiman, arahan, perintah, tuntutan, hutang, liabiliti atau obligasi yang tertunggak atau yang menjadi tertunggak dan tiada kausa tindakan yang sedia ada terhadap yayasan Labuan itu atau terhadap mana-mana anggota majlis, pegawai atau ejen yayasan Labuan itu, boleh dilepaskan atau menjadi cacat disebabkan pendaftarannya di bawah undang-undang negara lain itu; dan
- (c) tiada prosiding, sama ada sivil atau jenayah, yang belum selesai oleh atau terhadap yayasan Labuan itu atau terhadap mana-mana anggota majlis, pegawai atau ejen yayasan Labuan itu, boleh digugurkan atau diberhentikan oleh sebab pendaftarannya di bawah undang-undang negara lain itu, dan prosiding itu boleh diteruskan, dikuatkuasakan, didakwa, diselesaikan atau dikompromi oleh atau terhadap yayasan itu atau terhadap anggota majlis, pegawai atau ejen yayasan Labuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Jika sesuatu yayasan Labuan yang didaftarkan di bawah Akta ini telah berdomisil semula dan didaftarkan di bawah undang-undang negara lain, yayasan Labuan itu hendaklah mengemukakan kepada Lembaga suatu salinan yang diperaku, dan jika berkenaan, salinan apostil perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh pendaftar atau pihak berkuasa yang kompeten dalam negara lain itu dan

apabila diterima salinan perakuan pendaftaran yang sedemikian itu, Lembaga hendaklah memotong yaysan Labuan itu daripada daftar dan memperakukan bahawa yaysan Labuan itu telah terhenti menjadi suatu yaysan yang didaftarkan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN V

MAJLIS, PEGAWAI DAN SETIAUSAHA

Majlis

Pelantikan majlis

25. (1) Piagam sesuatu yaysan Labuan boleh mengadakan peruntukan bagi pelantikan suatu majlis yang hendaklah terdiri daripada seorang ahli atau lebih yang mungkin orang biasa atau pertubuhan perbadanan.

(2) Sebelum pendaftaran yaysan Labuan, anggota majlis boleh dilantik oleh pengasas.

(3) Apabila yaysan Labuan didaftarkan, anggota majlis boleh dilantik oleh pengasas atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh pengasas dalam piagam atau artikel yaysan Labuan.

(4) Seorang pengasas atau benefisiari yang bukan seorang pegawai yaysan Labuan boleh dilantik sebagai anggota majlis.

(5) Pelantikan seseorang anggota majlis sesuatu yaysan Labuan tidak akan berkuat kuasa melainkan jika dia menyerahkan kepada pengasas atau orang yang melantiknya, mengikut mana-mana yang berkenaan, persetujuannya secara bertulis bagi pelantikan itu.

Mesyuarat majlis

26. Jadual Kelima hendaklah terpakai bagi mesyuarat majlis.

Kehilangan kelayakan anggota majlis

27. Seseorang tidak boleh dilantik atau terus kekal sebagai anggota majlis jika—

- (a) dia seorang bankrap, mengalami kecelaruan mental atau tidak siuman;

- (b) orang itu, yang merupakan pertubuhan perbadanan, menjadi hal perkara apa-apa prosiding yang mungkin mengakibatkan ia digulung atau dibubarkan selainnya;
- (c) orang itu telah disabitkan atas suatu kesalahan jenayah yang melibatkan fraud dan kecurangan atau apa-apa kesalahan jenayah yang baginya dia telah dihukum dengan pemenjaraan; atau
- (d) dia pegawai yayasan Labuan itu.

Pemberhentian anggota majlis

28. Anggota majlis yang berhasrat untuk berhenti bertindak dalam sifat itu hendaklah memberikan sekurang-kurangnya tiga puluh hari notis terdahulu secara bertulis mengenai hasratnya itu kepada yayasan Labuan itu tidak lewat daripada tujuh hari sebelum anggota itu berhasrat untuk berhenti bertindak dalam sifat itu.

Pelantikan orang yang menyelia

29. (1) Jika peruntukan dokumen konstituen yayasan Labuan mengadakan peruntukan bagi pelantikan orang yang menyelia, peruntukan seksyen 25, 26, 27 dan 28 hendaklah terpakai *mutatis mutandis*, tertakluk kepada dokumen konstituen, kepada pelantikan itu dan orang yang menyelia itu.

(2) Jika sesuatu yayasan Labuan mempunyai orang yang menyelia sebagai ganti atau tambahan kepada anggota majlis, semua sebutan dalam Akta ini mengenai majlis dan anggota majlis hendaklah ditafsirkan termasuk orang yang menyelia itu.

Pelantikan anggota majlis oleh Mahkamah

30. Jika pada sesuatu masa tiada anggota majlis dilantik bagi suatu yayasan Labuan atau bilangan anggota yang dilantik kurang daripada yang dikehendaki oleh piagam atau Akta ini, permohonan boleh dibuat kepada Mahkamah oleh pengasas, anggota majlis atau orang yang menyelia yang lain, atau pegawai, bagi pelantikan oleh Mahkamah seorang atau lebih untuk menjadi anggota majlis bagi maksud mematuhi kehendak piagam dan peruntukan Akta ini.

Kuasa majlis

31. (1) Dokumen konstituen boleh menentukan kuasa majlis dan mengadakan peruntukan bagi kuasa tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

(2) Majlis hendaklah—

- (a) mengambil apa-apa tindakan yang difikirkannya perlu untuk memastikan pematuhan terma dokumen konstituen dan peruntukan Akta ini oleh yayasan Labuan itu dan pegawai-pegawainya; dan
- (b) bertanggungjawab bagi penyeliaan secara am pengurusan yayasan Labuan itu oleh pegawai-pegawainya.

(3) Majlis hendaklah mewakili yayasan Labuan dan bagi maksud memastikan pematuhan terma dokumen konstituen dan peruntukan Akta ini, pegawai yayasan Labuan itu hendaklah bertindak mengikut arahan majlis.

Hak majlis

32. (1) Sebagai tambahan kepada hak majlis yang diperuntukkan dalam dokumen konstituen dan dalam peruntukan lain Akta ini, majlis hendaklah mempunyai hak yang berikut:

- (a) untuk dimaklumkan mengenai semua mesyuarat pegawai;
- (b) untuk hadir dan didengar tetapi tidak untuk mengundi dalam mesyuarat pegawai;
- (c) jika apa-apa urusan sesuatu yayasan Labuan dijalankan melalui pengedaran dokumen, untuk diedarkan juga kepadanya dokumen itu pada masa dokumen itu diedarkan kepada pegawai;
- (d) jika apa-apa urusan sesuatu yayasan Labuan dijalankan melalui perwakilan kuasa kepada seseorang pegawai, untuk dimaklumkan mengenai terma dan apa-apa penjalanan kuasa yang diwakilkan itu.

(2) Majlis hendaklah mempunyai akses kepada buku, rekod, akaun dan baucar yayasan Labuan.

Kewajipan majlis

33. (1) Seseorang anggota majlis hendaklah menggunakan ketelitian dan kemahiran yang munasabah dalam melaksanakan kewajipannya dan menjalankan hak dan kuasanya.

(2) Dalam ketiadaan mana-mana pegawai yayasan Labuan, majlis hendaklah melaksanakan kewajipan dan menjalankan kuasa pegawai-pegawai yang ditetapkan dalam Akta ini.

Sebutan mengenai majlis terpakai bagi anggota majlis yang bertindak bersesama dan berasingan

34. Sebutan mengenai majlis hendaklah terpakai bagi anggota majlis yang bertindak bersesama dan berasingan.

Pegawai

Pelantikan pegawai

35. (1) Pengasas hendaklah, sebelum mendaftarkan yayasan Labuan yang dicadangkan, melantik sekurang-kurangnya seorang pegawai bagi yayasan Labuan itu tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang disifatkan patut oleh pengasas itu.

(2) Pegawai itu boleh merupakan seorang biasa atau suatu pertubuhan perbadanan.

(3) Pengasas atau benefisiari yang bukan anggota majlis boleh dilantik sebagai pegawai yayasan Labuan itu.

(4) Pelantikan seseorang pegawai suatu yayasan Labuan tidak akan berkuat kuasa melainkan jika dia telah menyerahkan kepada pengasas persetujuannya ke atas pelantikan itu.

Mesyuarat pegawai

36. Jadual Kelima hendaklah terpakai bagi mesyuarat pegawai suatu yayasan Labuan.

Kehilangan kelayakan pegawai

37. Seseorang tidak boleh dilantik atau terus kekal sebagai pegawai suatu yayasan Labuan jika—

- (a) dia seorang bankrap, mengalami kecelaruan mental atau tidak siuman;
- (b) orang itu, yang merupakan pertubuhan perbadanan, ialah hal perkara apa-apa prosiding yang mungkin mengakibatkan ia digulung atau dibubarkan selainnya;
- (c) orang itu telah disabitkan atas suatu kesalahan jenayah yang melibatkan fraud dan kecurangan atau apa-apa kesalahan jenayah yang baginya dia telah dihukum dengan pemenjaraan; atau
- (d) dia ialah anggota majlis; atau
- (e) orang itu ialah orang yang mempunyai kaitan dengan anggota majlis.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(e), orang itu hendaklah disifatkan mempunyai kaitan dengan seorang anggota majlis jika dia—

- (a) ialah anggota keluarga anggota majlis itu, termasuk isteri atau suami, ibu atau bapa, anak termasuk anak angkat atau anak tiri, abang, kakak, dan isteri atau suami anaknya, adik lelakinya atau adik perempuannya; atau
- (b) suatu pertubuhan perbadanan yang mempunyai kaitan dengan anggota majlis itu.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(b), suatu pertubuhan perbadanan mempunyai kaitan dengan seorang anggota majlis jika—

- (a) pertubuhan perbadanan itu pada lazimnya, atau mempunyai obligasi, sama ada secara formal atau tidak formal, atau pengarah-pengarahnya pada lazimnya, bertindak mengikut arahan, petunjuk atau kehendak anggota majlis itu; atau
- (b) anggota majlis itu mempunyai kawalan kepentingan dalam pertubuhan perbadanan itu.

(4) Seseorang pegawai suatu yayasan Labuan, hendaklah, jika dia hilang kelayakan di bawah seksyen ini, memberikan notis secara bertulis mengenai pemberhentiannya kepada yayasan Labuan dan Lembaga dalam tempoh tujuh hari selepas dia hilang kelayakan.

(5) Lembaga boleh mengeluarkan arahan supaya seseorang yang berada dalam mana-mana keadaan di bawah subseksyen (1) tidak layak bertindak sebagai pegawai suatu yayasan Labuan.

Kewajipan pegawai

38. (1) Seseorang pegawai suatu yayasan Labuan hendaklah mengambil segala langkah dan melakukan atau menyebabkan dilakukan segala benda yang perlu untuk mentadbirkan yayasan Labuan itu dengan sepatutnya untuk mencapai maksud atau matlamat yayasan Labuan itu.

(2) Pegawai suatu yayasan Labuan hendaklah menggunakan ketelitian dan kemahiran yang munasabah dalam perjalanan hal ehwal yayasan Labuan itu, termasuk menggunakan ketelitian dan kemahiran yang munasabah dalam pengurusan dan pelaburan harta yayasan Labuan itu.

(3) Pegawai suatu yayasan Labuan hendaklah bertindak mengikut peruntukan dokumen konstituen yayasan Labuan itu dan peruntukan Akta ini.

(4) Dalam hal majlis atau orang yang menyelia tidak dilantik, pegawai yayasan Labuan yang bertindak bersesama hendaklah menjadi badan yang mengurus tadbir yayasan Labuan itu dan, dalam menghadapi pihak ketiga, pegawai yang bertindak sedemikian hendaklah mewakili yayasan Labuan itu.

(5) Kecuali jika dokumen konstituen sesuatu yayasan Labuan memperuntukkan selainnya dan tertakluk kepada peruntukan Akta ini, pegawai yayasan Labuan itu hendaklah bertindak sebulat suara dan boleh bertindak sedemikian melalui pengedaran dokumen bertulis yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pegawai itu.

Pemberhentian pegawai

39. Seseorang pegawai suatu yayasan Labuan yang berhasrat untuk berhenti bertindak sebagai pegawai hendaklah memberikan sekurang-kurangnya tiga puluh hari notis terdahulu secara bertulis mengenai hasratnya itu kepada yayasan Labuan itu dan menyerahkan kepada Lembaga suatu perisytiharan mengenai hasratnya itu.

Saraan pegawai

40. (1) Kecuali jika piagam memperuntukkan selainnya, pegawai yayasan Labuan hendaklah dibayar saraan mengikut kewajipan yang dikehendaki dijalankan oleh mereka dan dengan mengambil kira kedudukan kewangan yayasan Labuan itu.

(2) Apa-apa pertikaian berkenaan dengan amaun saraan seseorang pegawai suatu yayasan Labuan boleh dirujuk oleh pegawai-pegawai, atau seorang pegawai, atau majlis, atau juruaudit diluluskan, kepada Mahkamah, yang hendaklah menentukan saraan itu.

*Setiausaha***Setiausaha**

41. (1) Pengasas hendaklah, sebelum mendaftarkan suatu yayasan Labuan, melantik seseorang, yang hendaklah suatu syarikat yang didaftarkan sebagai syarikat amanah Labuan di bawah Bahagian V Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 [*Akta*], untuk menjadi setiausaha bagi yayasan Labuan yang dicadangkan itu.

(2) Setiausaha boleh menjadi anggota majlis pada masa yang sama dengan syarat bahawa setiausaha itu bukanlah anggota tunggal majlis itu.

(3) Setiausaha hendaklah mempunyai kewajipan, kuasa dan obligasi yang diperuntukkan dalam Akta ini termasuk, menerima penyampaian segala dokumen berkenaan dengan prosiding undang-undang terhadap yayasan Labuan yang disampaikan kepada yayasan Labuan itu.

Pemberhentian setiausaha

42. Jika setiausaha berhasrat untuk berhenti bertindak sebagai setiausaha bagi yayasan Labuan, dia hendaklah memberikan sekurang-kurangnya tiga puluh hari notis terdahulu secara bertulis mengenai hasratnya itu kepada yayasan Labuan itu dan menyerahkan kepada Lembaga suatu perisytiharan mengenai hasratnya itu.

Dokumen hendaklah difailkan melalui setiausaha

43. (1) Tiap-tiap dokumen atau surat cara yang dikehendaki atau dibenarkan difailkan dengan atau diserahkan kepada Lembaga di bawah Akta ini hendaklah difailkan atau diserahkan melalui setiausaha suatu yayasan Labuan.

(2) Tiap-tiap permohonan kepada Lembaga bagi apa-apa perakuan atau bagi apa-apa cabutan atau salinan apa-apa perakuan yang dikeluarkan di bawah Akta ini atau apa-apa dokumen yang difailkan dengan atau diserahkan kepada Lembaga hendaklah dibuat melalui setiausaha suatu yayasan Labuan.

(3) Setiausaha suatu yayasan Labuan hendaklah memastikan kesahan, kebenaran dan ketulenan apa-apa surat cara atau dokumen yang difailkannya dengan atau diserahkan kepada Lembaga bagi pihak suatu yayasan Labuan.

(4) Subseksyen (2) tidak terpakai jika sesuatu permohonan dibuat berkenaan dengan sesuatu yayasan Labuan oleh mana-mana pengasas, pegawai, anggota majlis atau benefisiari yayasan Labuan itu dan dokumen, perakuan, cabutan atau salinan itu adalah untuk kegunaan persendiriannya.

Pejabat berdaftar

Pejabat berdaftar

44. (1) Sesuatu yayasan Labuan hendaklah mempunyai pejabat berdaftar di Labuan yang hendaklah menjadi alamat setiausaha bagi yayasan Labuan itu, yang kepadanya segala komunikasi, surat-menyurat dan notis boleh dialamatkan.

(2) Notis mengenai apa-apa pertukaran alamat pejabat berdaftar hendaklah diberikan mengikut subseksyen 17(1).

(3) Apa-apa proses atau dokumen yang dikehendaki untuk disampaikan kepada sesuatu yayasan Labuan adalah disampaikan dengan sempurna jika dialamatkan kepada yayasan Labuan itu dengan meninggalkannya di, atau menghantarnya melalui pos kepada, pejabat berdaftar yayasan Labuan itu di Labuan.

(4) Proses atau dokumen yang dikehendaki untuk disampaikan kepada sesuatu yayasan Labuan adalah disampaikan dengan sempurna jika dialamatkan kepada yayasan Labuan itu dengan meninggalkannya di, atau menghantarnya melalui pos ke, mana-mana tempat perniagaan yang ditubuhkan oleh yayasan Labuan itu di Labuan—

- (a) jika yayasan Labuan itu ingkar memfailkan dengan Lembaga nama dan alamat pejabat berdaftar yang dibenarkan untuk menerima bagi pihak yayasan Labuan itu penyampaian apa-apa proses atau dokumen;
- (b) jika pada bila-bila masa pejabat berdaftar yang diberitahu sedemikian tidak lagi wujud; atau
- (c) jika bagi apa-apa sebab lain penyampaian proses atau dokumen ke pejabat berdaftar tidak dapat dilaksanakan.

Dokumen hendaklah disimpan di pejabat berdaftar

45. (1) Tiap-tiap yayasan Labuan hendaklah menyebabkan disimpan di pejabat berdaftar salinan tepat dokumen konstituennya dan semua dokumen dan surat cara yang difailkan dengan dan diserahkan kepada Lembaga dan buku yang mengandungi minit mesyuarat majlis dan pegawai.

(2) Melainkan jika Lembaga membenarkan selainnya, semua salinan pendua buku minit suatu yayasan Labuan boleh disimpan di tempat lain bagi maksud pemeriksaan di bawah seksyen 48 dan hendaklah disifatkan disimpan di pejabat berdaftar yayasan Labuan itu.

Bentuk rekod yayasan Labuan

46. Rekod yang dikehendaki disimpan oleh sesuatu yayasan Labuan oleh Akta ini boleh disimpan dalam bentuk gambar foto atau boleh dicatatkan atau direkodkan oleh sistem pemprosesan data secara mekanikal atau elektronik atau mana-mana peranti simpanan maklumat yang lain yang berupaya untuk menghasilkan semula apa-apa maklumat yang dikehendaki dalam bentuk bertulis yang boleh difahami dalam masa yang munasabah.

Terjemahan dokumen dan surat cara

47. (1) Jika apa-apa dokumen atau surat cara yang dikehendaki difailkan dengan dan diserahkan kepada Lembaga ialah dalam bahasa yang selain bahasa kebangsaan atau Inggeris, surat cara atau dokumen itu hendaklah disertai dengan terjemahan yang ditentukan atau diperakukan sama ada dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

(2) Jika apa-apa akaun atau rekod lain yang dikehendaki supaya disimpan dan disenggara di bawah Akta ini tidak disimpan dalam bahasa kebangsaan atau Inggeris, suatu terjemahan akaun dan rekod yang diperakukan benar hendaklah disebabkan disimpan dengan akaun dan rekod asal itu.

Pemeriksaan dan pengemukaan dokumen yang disimpan oleh yayasan Labuan

48. (1) Dokumen yang dikehendaki disimpan oleh sesuatu yayasan Labuan di bawah Akta ini hendaklah, semasa waktu urusan, tersedia untuk pemeriksaan oleh pengasas, anggota majlis, orang yang menyelia atau pegawai, mengikut mana-mana yang berkenaan, yayasan Labuan itu tanpa apa-apa bayaran.

(2) Mana-mana orang, selain anggota majlis, orang yang menyelia atau pegawai suatu yayasan Labuan, yang berhak untuk memeriksa buku minit mesyuarat anggota majlis hendaklah, dalam tempoh tujuh hari selepas dia membuat permintaan kepada yayasan Labuan itu, dibekalkan dengan sesalinan mana-mana minit itu tanpa apa-apa bayaran.

(3) Jika terdapat kegagalan untuk mematuhi subseksyen (1) atau apa-apa permintaan bagi apa-apa pemeriksaan di bawah seksyen ini ditolak, yayasan Labuan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(4) Dalam hal kesalahan yang berterusan bagi kesalahan yang dilakukan di bawah subseksyen (3), sebagai tambahan kepada penalti di bawah subseksyen (3), yayasan Labuan itu boleh didenda tidak melebihi seribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(5) Dalam hal penolakan yang disebut dalam subseksyen (4), Mahkamah boleh, melalui perintah, memaksa bagi membolehkan pemeriksaan serta-merta dokumen itu.

Pemeriksaan dan pengemukaan dokumen yang disimpan oleh Lembaga

49. (1) Mana-mana orang boleh jika dibenarkan sedemikian oleh yayasan Labuan yang berkenaan dan apabila dibayar fi yang ditetapkan—

- (a) memeriksa mana-mana dokumen yang diserahkan, didaftarkan oleh atau difailkan dengan Lembaga di bawah Akta ini dan disimpan oleh Lembaga dan, jika difikirkan patut oleh Lembaga, sesalinan dokumen konstituennya;
- (b) menghendaki supaya diberikan kepadanya sesalinan perakuan pendaftaran yayasan Labuan itu atau mana-mana dokumen lain atau sebahagian daripada mana-mana dokumen lain yang disebut dalam perenggan (a) yang diperaku sah.

(2) Salinan perakuan yang diperaku sah yang diberikan di bawah perenggan (1)(b) hendaklah ditandatangani oleh Lembaga dan dimeteraikan dengan meterainya.

BAHAGIAN VI

KEUPAYAAN YAYASAN LABUAN

Keupayaan dan kuasa

50. (1) Sesuatu yayasan Labuan yang didaftarkan dengan sewajarnya di bawah Akta ini ialah suatu pertubuhan perbadanan yang boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas nama perbadanannya.

(2) Tertakluk kepada Akta ini dan peruntukan dokumen konstituennya, sesuatu yayasan Labuan mempunyai keupayaan, hak, kuasa dan keistimewaan orang perseorangan.

(3) Piagam sesuatu yayasan Labuan boleh mengandungi peruntukan yang menyekat keupayaan, hak, kuasa dan keistimewaannya.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), kesahan sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh sesuatu yayasan Labuan tidak boleh dipersoalkan atas alasan ketiadaan keupayaan disebabkan oleh apa-apa yang terkandung dalam piagamnya.

Pengesahan perbuatan yang dilakukan melampaui keupayaan

51. (1) Seseorang anggota majlis atau benefisiari suatu yayasan Labuan, boleh membawa prosiding untuk menghalang pelakuan apa-apa perbuatan yang jika tidak kerana seksyen 50 adalah melampaui keupayaan yayasan Labuan itu, kecuali tiada prosiding sedemikian boleh dibawa berkenaan dengan sesuatu perbuatan yang dilakukan sebagai memenuhi obligasi undang-undang yang berbangkit daripada perbuatan terdahulu yayasan Labuan itu.

(2) Menjadi kewajipan pegawai-pegawai suatu yayasan Labuan untuk mematuhi apa-apa had terhadap kuasa mereka yang berbangkit daripada dokumen konstituen dan apa-apa perbuatan oleh pegawai-pegawai itu yang melampaui kuasa yang diperuntukkan sedemikian boleh disahkan hanya melalui pengesahan yayasan Labuan itu yang dilakukan mengikut cara yang berikut:

- (a) jika terdapat majlis atau orang yang menyelia yang lain, dengan ketetapan sebulat suara majlis dan orang yang menyelia yang lain itu; dan
- (b) jika tiada majlis atau orang yang menyelia, dengan ketetapan yang ditandatangani oleh semua pegawai yayasan Labuan pada masa itu.

(3) Sesuatu ketetapan yang mengesahkan perbuatan anggota majlis, orang yang menyelia dan pegawai yang melampaui keupayaan yayasan Labuan itu tidaklah menyentuh liabiliti yang ditanggung oleh anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai dan setiausaha itu atau mana-mana orang lain dan relief daripada apa-apa liabiliti sedemikian hendaklah dipersetujui secara berasingan dengan ketetapan majlis dan orang yang menyelia itu.

Kuasa pegawai mengikat yayasan Labuan

52. (1) Sesuatu pihak suatu transaksi dengan sesuatu yayasan Labuan tidak terikat untuk memeriksa sama ada transaksi itu ialah transaksi yang dibenarkan oleh dokumen konstituen yayasan Labuan itu atau mengenai apa-apa had kuasa majlis atau pegawai untuk mengikat yayasan Labuan itu atau untuk memberi orang lain kuasa untuk berbuat sedemikian.

(2) Subseksyen (1) tidak menyentuh apa-apa hak mana-mana majlis, anggota majlis atau orang yang menyelia, atau pegawai sesuatu yayasan Labuan, mengikat mana-mana yang berkenaan, untuk membawa prosiding untuk menghalang pelaksanaan perbuatan yang melampaui kuasa pegawai-pegawai itu.

(3) Subseksyen (1) tidak menyentuh apa-apa liabiliti yang ditanggung oleh pegawai-pegawai sesuatu yayasan Labuan atau mana-mana orang lain, oleh sebab pelaksanaan pegawai-pegawai itu yang melampaui kuasa mereka.

Penyempurnaan kontrak, dokumen oleh yayasan Labuan

53. (1) Sesuatu yayasan Labuan boleh menyempurnakan apa-apa kontrak, surat ikatan, surat cara atau dokumen lain dengan, jika yayasan itu mempunyai meterai, mengecap meterai itu di hadapan dan dengan disaksikan oleh seorang anggota majlis atau orang yang menyelia, atau pegawai atau penandatanganan lain yang diberi kuasa oleh yayasan Labuan itu, atau jika dibenarkan oleh dokumen konstituen, ditandatangani oleh penandatanganan yang diberi kuasa itu.

(2) Mana-mana kontrak yang dibuat mengikut seksyen ini mempunyai kesan di sisi undang-undang, dan hendaklah mengikat sesuatu yayasan Labuan dan semua pihak lain kepada kontrak itu dan boleh diubah atau dibatalkan dengan cara yang kontrak itu dibenarkan dibuat.

(3) Sesuatu dokumen atau prosiding yang menghendaki pengesahan oleh sesuatu yayasan Labuan boleh ditandatangani oleh seorang pegawai diberi kuasa yayasan Labuan itu dan tidak perlu ditandatangani di bawah meterainya.

(4) Sesuatu yayasan Labuan boleh, secara bertulis—

- (a) jika yayasan Labuan itu mempunyai meterai, di bawah meterai itu; atau
- (b) dengan ditandatangani oleh penandatanganan diberi kuasa yayasan Labuan itu,

dengan setiap seorang menandatangani atau di bawah meterai penandatanganan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, memberi mana-mana orang kuasa sama ada secara am atau berkenaan dengan apa-apa perkara tertentu sebagai ejen atau wakilnya untuk menyempurnakan surat ikatan, surat cara atau dokumen lain bagi pihaknya dan mana-mana surat ikatan, surat cara atau dokumen lain yang ditandatangani oleh ejen atau wakil itu bagi pihak yayasan Labuan itu di bawah meterainya atau oleh penandatanganan diberi kuasa ejen atau wakil itu, hendaklah mengikat yayasan Labuan itu; dan semua orang yang berurusan dengan suci hati berhak untuk menganggap penyempurnaan sewajarnya dan sepatutnya surat ikatan, surat cara atau dokumen lain itu, dan untuk bertindak dengan sewajarnya.

Penzahiran kepentingan

54. (1) Tiap-tiap anggota majlis, orang yang menyelia dan pegawai sesuatu yayasan Labuan yang dengan apa-apa cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mempunyai kepentingan dalam sesuatu kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan yayasan Labuan itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan selepas fakta yang berkaitan sampai ke pengetahuannya—

- (a) berhubung dengan anggota majlis dan orang yang menyelia—
 - (i) mengisytiharkan jenis kepentingannya itu di mesyuarat majlis; atau
 - (ii) menyebabkan diedarkan secara bertulis kepada semua anggota majlis yang lain butir-butir mengenai kepentingannya itu; dan
- (b) berhubung dengan seseorang pegawai—
 - (i) mengisytiharkan jenis kepentingannya itu di mesyuarat pegawai; atau

- (ii) menyebabkan diedarkan secara bertulis kepada semua pegawai yang lain butir-butir mengenai kepentingannya itu.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai dalam hal jika kepentingan anggota majlis, orang yang menyelia atau pegawai sesuatu yayasan Labuan hanya kerana pegawai itu menjadi ahli atau pemiutang suatu perbadanan atau firma lain yang berkepentingan dalam kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan yayasan Labuan itu, jika kepentingan itu boleh dengan sepatutnya dianggap sebagai bukan kepentingan material.

(3) Pengisytiharan kepentingan oleh seseorang anggota majlis, orang yang menyelia atau pegawai hendaklah dibuat pada masa yang berikut—

(a) dalam hal suatu kontrak yang dicadangkan—

- (i) pengisytiharan itu hendaklah dibuat di mesyuarat majlis atau mesyuarat pegawai, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang padanya kontrak yang dicadangkan itu mula-mula sekali dipertimbangkan; atau
- (ii) pengisytiharan itu hendaklah dibuat di mesyuarat majlis atau mesyuarat pegawai yang berikutnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diadakan selepas dia menjadi anggota majlis, orang yang menyelia atau pegawai menjadi berkepentingan sedemikian; dan

(b) dalam hal suatu kontrak yang sedia ada, pengisytiharan itu hendaklah dibuat di mesyuarat majlis atau mesyuarat pegawai yang mula-mula sekali, mengikut mana-mana yang berkenaan, diadakan selepas anggota majlis, orang yang menyelia atau pegawai menjadi berkepentingan sedemikian.

(4) Bagi maksud subseksyen (1), suatu notis am disifatkan telah diberikan oleh anggota majlis, orang yang menyelia atau pegawai kepada anggota majlis atau pegawai lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, yayasan Labuan yang berkepentingan itu—

(a) apabila notis itu diberikan di mesyuarat majlis atau mesyuarat pegawai, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

(b) apabila anggota majlis, orang yang menyelia atau pegawai mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa perkara itu dibangkitkan dan dibaca di mesyuarat majlis atau mesyuarat pegawai yang berikutnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas notis itu diberikan.

(5) Tiap-tiap anggota majlis, orang yang menyelia atau pegawai sesuatu yayasan Labuan yang memegang apa-apa jawatan atau mempunyai apa-apa harta yang kerananya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kewajipan atau kepentingan akan wujud yang bercanggah dengan kewajipan atau kepentingannya sebagai seorang anggota majlis, orang yang menyelia atau pegawai yayasan Labuan itu, hendaklah mengisytiharkan di mesyuarat majlis atau mesyuarat pegawai yayasan Labuan itu atau menyebabkan supaya diedarkan secara bertulis kepada anggota majlis atau pegawai lain hakikat dan jenis, sifat dan takat percanggahan itu.

(6) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh dikira sebagai menjejaskan kuat kuasa mana-mana peruntukan dalam dokumen konstituen sesuatu yayasan Labuan yang menyekat anggota majlis, orang yang menyelia atau pegawai sesuatu yayasan Labuan daripada mempunyai apa-apa kepentingan dalam kontrak dengan yayasan Labuan itu.

Liabiliti anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai dan setiausaha

55. (1) Tiada anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai atau setiausaha sesuatu yayasan Labuan bertanggungjawab secara peribadi bagi apa-apa liabiliti sesuatu yayasan Labuan melainkan jika liabiliti itu telah dilakukan akibat daripada kecuaiian melampau, keingkaran atau salah laku sengaja, fraud atau kecurangan anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai atau setiausaha itu.

(2) Tertakluk kepada seksyen 56, mana-mana peruntukan yang terkandung dalam dokumen konstituen atau dalam mana-mana kontrak dengan yayasan Labuan itu atau selainnya, yang mengecualikan mana-mana anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai atau setiausaha yayasan Labuan itu atau menanggung ruginya terhadap, apa-apa liabiliti yang menurut kuasa mana-mana rukun undang-undang akan, jika tidak kerana itu, berhubung kait

dengannya berkenaan dengan apa-apa kecuaiian, keingkaran, salah laku atau pelanggaran kewajipan yang dia bertanggung baginya berhubung dengan yaysan Labuan itu, adalah terbatal.

Mahkamah boleh memberi relief

56. (1) Walau apa pun apa-apa yang terkandung dalam seksyen 55, sesuatu yaysan Labuan boleh, menurut mana-mana peruntukan sedemikian yang disebut dalam subseksyen 53(2), menanggung rugi mana-mana anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai atau setiausaha sedemikian terhadap apa-apa liabiliti yang dilakukan olehnya dalam membuat pembelaan dalam apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, yang dalamnya penghakiman yang memihak kepadanya diberikan atau yang dalamnya dia dibebaskan atau yang berkaitan dengan apa-apa permohonan di bawah subseksyen (2), (3) dan (4) yang relief diberikan kepadanya oleh Mahkamah.

(2) Jika, dalam apa-apa prosiding bagi kecuaiian, keingkaran, salah laku, peninggalan atau pelanggaran kewajipan terhadap seseorang anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai atau setiausaha sesuatu yaysan Labuan, didapati oleh Mahkamah bahawa orang itu bertanggung atau mungkin bertanggung berkenaan dengan kecuaiian, keingkaran, salah laku, peninggalan atau pelanggaran kewajipan, tetapi dia telah bertindak dengan jujur dan munasabah dan menjalankan usaha yang wajar, dan bahawa, setelah mengambil kira segala hal keadaan kes itu, termasuk yang berkaitan dengan pelantikannya, seadilnya dia patut dimaafkan bagi kecuaiian, keingkaran, salah laku, peninggalan atau pelanggaran kewajipan itu, Mahkamah itu boleh melepaskannya, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, daripada liabilitinya atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Mahkamah itu.

(3) Jika seseorang anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai atau setiausaha sesuatu yaysan Labuan mempunyai sebab untuk mengkhawatiri bahawa apa-apa tuntutan akan atau mungkin dibuat terhadapnya berkenaan dengan apa-apa kecuaiian, keingkaran, salah laku, peninggalan atau pelanggaran kewajipan, dia boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan relief, dan Mahkamah hendaklah, atas mana-mana permohonan sedemikian, mempunyai kuasa untuk memberinya relief berkenaan dengan kecuaiian, keingkaran, salah laku, peninggalan atau pelanggaran kewajipan itu.

(4) Jika mana-mana kes yang baginya subseksyen (2) terpakai dibicarakan oleh seseorang hakim, hakim itu selepas mendengar keterangan, boleh, jika dia berpuas hati bahawa anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai atau setiausaha itu patut menurut subseksyen itu dilepaskan sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya daripada liabiliti yang hendak dikuatkuasakan terhadapnya, menolak kes itu keseluruhannya atau sebahagiannya dan dengan serta-merta mengarahkan penghakiman yang memihak kepadanya dibuat atas apa-apa terma mengenai kos atau selainnya sebagaimana yang difikirkan patut oleh hakim itu.

Wang atau harta lain daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang

57. (1) Sesuatu yayasan Labuan tidak boleh menerima—

- (a) apa-apa wang atau harta lain yang berpunca daripada suatu transaksi, operasi atau aktiviti lain yang merupakan kesalahan jenayah di bawah undang-undang Malaysia atau yang, jika dijalankan di Malaysia, akan menjadi kesalahan sedemikian; atau
- (b) apa-apa wang atau harta lain yang penerimaan, pemunyaan atau kawalannya adalah menjadi atau akan menjadi suatu kesalahan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a).

(2) Maka menjadi kewajipan anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai atau setiausaha sesuatu yayasan Labuan untuk membawa dengan serta-merta kepada pengetahuan Lembaga jika dia—

- (a) mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa yayasan Labuan itu mempunyai harta atau pendapatan yang terakru kepadanya atau yang didapati olehnya dan yang berpunca daripada suatu transaksi, operasi atau aktiviti lain yang merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang Malaysia atau yang, jika dijalankan di Malaysia, akan menjadi kesalahan sedemikian; atau
- (b) telah menerima atau mempunyai dalam milik atau kawalannya wang atau harta lain yang penerimaan, pemunyaan atau kawalannya adalah menjadi atau akan menjadi suatu kesalahan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a).

(3) Mana-mana anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai atau setiausaha sesuatu yayasan Labuan yang tanpa alasan yang munasabah tidak mematuhi kehendak subseksyen (1) atau tidak mematuhi kehendak subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(4) Semua wang atau harta yang diperihalkan dalam subseksyen (1) dan (2) hendaklah terlucut hak kepada Kerajaan dan menjadi hartanya secara mutlak.

Pelupusan secara fraud

58. (1) Jika dibuktikan bahawa sesuatu yayasan Labuan yang ditubuhkan atau didaftarkan di Labuan, atau harta yang dilupuskan kepada yayasan Labuan itu—

- (a) ditubuhkan atau didaftarkan atau dilupuskan sedemikian oleh atau bagi pihak pengasas dengan niat utama untuk memfraud pemiutang pengasas itu; dan
- (b) telah, pada masa penubuhan atau pendaftaran atau pelupusan itu berlaku, menjadikan pengasas itu tidak solven atau tanpa harta yang dengannya tuntutan pemiutang itu, jika berjaya, akan dapat diselesaikan,

maka penubuhan, pendaftaran atau pelupusan itu tidaklah menjadi tidak sah atau boleh batal dan yayasan Labuan itu adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan tuntutan pemiutang itu setakat kepentingan yang pengasas itu ada dalam harta itu sebelum penubuhan, pendaftaran atau pelupusan itu, dan apa-apa pertambahan harta itu, jika ada, selepas itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), dalam menentukan sama ada sesuatu yayasan Labuan yang ditubuhkan atau didaftarkan atau sesuatu pelupusan telah menjadikan pengasas itu tidak solven atau tanpa harta yang dengannya tuntutan pemiutang itu, jika berjaya, dapat dijelaskan, hendaklah diambil kira nilai pasaran yang berpatutan bagi harta pengasas itu, pada masa sebaik selepas penubuhan, pendaftaran atau pelupusan itu.

(3) Sekiranya nilai pasaran yang berpatutan bagi harta yang disebut dalam subseksyen (2) melebihi nilai tuntutan pemiutang, pada masa selepas penubuhan, pendaftaran atau pelupusan itu, maka yayasan Labuan yang ditubuhkan atau didaftarkan sedemikian atau pelupusan itu hendaklah bagi maksud Akta ini disifatkan tidak ditubuhkan atau didaftarkan, atau harta itu tidak dilupuskan, dengan niat utama untuk memfraud pemiutang itu.

(4) Sesuatu yayasan Labuan yang ditubuhkan atau didaftarkan di Labuan dan sesuatu pelupusan harta kepada yayasan Labuan itu tidaklah menjadi fraud terhadap seseorang pemiutang seseorang pengasas—

- (a) jika penubuhan atau pendaftarannya, atau pelupusan itu, berlaku sebelum kausa tindakan pemiutang terhadap pengasas itu terakru atau berlaku;
- (b) jika penubuhan atau pendaftarannya, atau pelupusan itu, berlaku selepas habis tempoh dua tahun dari tarikh kausa tindakan pemiutang itu terakru; atau
- (c) jika penubuhan atau pendaftarannya, atau pelupusan itu, berlaku sebelum habis tempoh dua tahun dari tarikh kausa tindakan pemiutang terakru dan pemiutang itu tidak memulakan tindakan sebelum habis tempoh satu tahun dari tarikh penubuhan atau pendaftaran, atau pelupusan itu.

(5) Seseorang pengasas tidak boleh dikaitkan dengan suatu niat untuk memfraud seseorang pemiutang semata-mata oleh sebab—

- (a) pengasas itu telah menubuhkan atau mendaftarkan suatu yayasan Labuan atau telah melupuskan harta kepada yayasan Labuan itu dalam tempoh dua tahun dari tarikh kausa tindakan pemiutang itu terakru; atau
- (b) pengasas yayasan Labuan itu ialah seorang benefisiari.

(6) Jika sesuatu yayasan Labuan bertanggungjawab untuk menyelesaikan tuntutan pemiutang mengikut cara yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) tetapi tidak dapat berbuat demikian disebabkan oleh hakikat bahawa harta itu telah dilupuskan, selain kepada seorang pembeli *bona fide* dengan nilai, maka apa-apa pelupusan sedemikian adalah tidak sah.

(7) Bagi maksud seksyen ini, tarikh kausa tindakan terakru ialah—

- (a) tarikh perbuatan atau peninggalan yang boleh digunakan untuk membuktikan kausa tindakan sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya; dan jika terdapat lebih daripada satu perbuatan atau jika peninggalan itu ialah peninggalan yang berterusan, tarikh perbuatan yang pertama atau tarikh peninggalan itu mula berlaku, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (b) dalam hal sesuatu tindakan atas suatu penghakiman, tarikh perbuatan atau peninggalan itu, atau jika terdapat lebih daripada satu perbuatan atau peninggalan itu ialah peninggalan yang berterusan, tarikh perbuatan yang pertama atau tarikh peninggalan itu mula berlaku, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menyebabkan timbulnya penghakiman itu.

(8) Dalam seksyen ini, istilah “pemiutang” termasuk mana-mana orang yang membuat pernyataan adanya suatu kausa tindakan.

Akaun hendaklah disimpan

59. (1) Sesuatu yayasan Labuan hendaklah menyebabkan disimpan rekod perakaunan dan rekod lain yang sepatutnya yang akan menjelaskan dengan secukupnya transaksi dan kedudukan kewangan yayasan Labuan itu.

(2) Tiap-tiap yayasan Labuan dan pegawai yayasan Labuan itu hendaklah menyebabkan catatan yang sepatutnya dibuat dalam rekod perakaunan dan rekod lain yayasan Labuan itu dalam tempoh enam puluh hari dari selesainya transaksi yang berkenaan dengannya rekod itu berkaitan.

(3) Rekod perakaunan dan rekod lain sesuatu yayasan Labuan hendaklah disimpan di pejabat berdaftar yayasan Labuan itu atau di mana-mana tempat lain di Labuan sebagaimana yang difikirkan patut oleh pegawai dan hendaklah pada setiap masa boleh didapati untuk diperiksa oleh anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai, dan juruaudit diluluskan, jika seorang juruaudit dilantik.

(4) Seseorang pegawai yayasan Labuan yang tidak mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan pematuhan oleh yayasan Labuan itu akan kehendak seksyen ini, atau disebabkan perbuatan ingkarnya sendiri menyebabkan apa-apa keingkaran oleh yayasan Labuan itu di bawah seksyen ini, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(5) Mana-mana pengasas, anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai dan setiausaha sesuatu yayasan Labuan berhak diberi, dalam tempoh tujuh hari selepas dia membuat permintaan kepada yayasan Labuan itu, sesalinan pernyataan kewangan, akaun dan rekod dan laporan juruaudit diluluskan, jika ada, tanpa bayaran dan jika terdapat keingkaran dalam memberikan salinan sedemikian, yayasan Labuan itu dan tiap-tiap pegawai adalah dianggap melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Audit yayasan Labuan

60. (1) Jika, atas permohonan kepada Mahkamah oleh pengasas, anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai, setiausaha atau benefisiari, Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat keterangan *prima facie* mengenai kegagalan untuk mematuhi dokumen konstituen atau kehendak Akta ini dalam penjalanan sesuatu yayasan Labuan, Mahkamah boleh memerintahkan supaya dilantik seorang juruaudit diluluskan, yang hendaklah seorang juruaudit diluluskan, untuk menjalankan audit terhadap yayasan Labuan itu.

(2) Pelantikan seorang juruaudit diluluskan di bawah subseksyen (1) boleh dijadikan tertakluk kepada syarat diserahkan oleh pemohon itu dengan Mahkamah suatu amaun, yang akan ditentukan oleh Mahkamah itu, sebagai jaminan, bagi kos menjalankan audit itu.

(3) Juruaudit diluluskan yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah mengemukakan laporannya kepada Mahkamah dalam apa-apa tempoh masa yang ditentukan oleh Mahkamah.

(4) Mahkamah hendaklah membuat apa-apa perintah mengenai kos sebagaimana yang difikirkannya patut, dengan mengambil kira sama ada atau tidak permohonan itu mempunyai asas yang kukuh, dan jika permohonan itu tidak mempunyai asas yang kukuh,

Mahkamah boleh memerintahkan supaya apa-apa kerugian atau kos yang disebabkan kepada yayasan Labuan itu dengan audit itu dibayar oleh pemohon itu.

Tidak boleh berkuat kuasanya tuntutan atau penghakiman luar negara

61. (1) Semua persoalan yang berbangkit berkenaan dengan sesuatu yayasan Labuan yang ditubuhkan dan wujud di bawah Akta ini atau berkenaan dengan apa-apa pelupusan harta kepadanya hendaklah ditentukan mengikut Akta ini, tanpa merujuk kepada undang-undang mana-mana bidang kuasa lain yang dengannya yayasan Labuan itu atau pelupusan itu berkaitan, termasuk persoalan mengenai—

- (a) keupayaan pengasasnya;
- (b) apa-apa aspek mengenai kesahan yayasan Labuan itu atau pelupusan atau pentafsiran atau kesan yayasan Labuan itu;
- (c) pentadbiran yayasan Labuan itu, sama ada pentadbiran itu dijalankan di Labuan atau di tempat lain, termasuk persoalan mengenai kuasa, obligasi, liabiliti dan hak badan yang mengurus tadbir atau orang yang menyelia yayasan Labuan itu dan pelantikan dan penyingkiran mereka; dan
- (d) adanya kuasa dan takat kuasa, yang diberikan atau dikekalkan oleh pengasas, termasuk kuasa untuk mengubah atau membatalkan piagam yayasan Labuan itu dan kesahan apa-apa perjalanan kuasa itu.

(2) Jika sesuatu yayasan Labuan ditubuhkan dengan sah mengikut dokumen konstituennya atau sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta ini, Mahkamah tidak boleh mengubahnya atau mengetepikannya atau mengiktiraf kesahan apa-apa tuntutan terhadap harta yayasan Labuan itu menurut undang-undang bidang kuasa yang lain atau perintah Mahkamah daripada suatu bidang kuasa yang lain berkenaan dengan—

- (a) akibat terhadap diri dan harta daripada suatu perkahwinan atau penamatan perkahwinan;
- (b) hak pewarisan, sama ada dengan wasiat atau tidak, termasuk bahagian tetap suami atau isteri atau saudara mara;
- (c) apa-apa tuntutan atau perintah Mahkamah berkaitan dengan perkara yang disebut dalam perenggan (a) atau (b) berkenaan dengan undang-undang diri pengasas atau benefisiari; dan

- (d) tuntutan pemiutang dalam hal ketidaksolvenan tertakluk kepada peruntukan seksyen ini.

BAHAGIAN VII

BENEFISIARI

Hak benefisiari bagi maklumat berkaitan dengan kepentingannya

62. (1) Seseorang benefisiari yang mempunyai kepentingan yang terletak hak dalam harta sesuatu yayasan Labuan adalah mempunyai hak untuk meminta daripada anggota majlis, orang yang menyelia atau pegawai yayasan Labuan itu maklumat dan dokumen berkaitan dengan kepentingannya dan secara khusus berhak—

- (a) untuk menerima, atas permintaan, maklumat daripada yayasan Labuan itu berkenaan dengan pencapaian maksud dan matlamat yayasan itu;
- (b) atas permintaan, untuk memeriksa dan diberikan sesalinan—
- (i) piagam yayasan Labuan itu dan apa-apa pindaan yang dibuat kepada piagam itu;
 - (ii) artikel yayasan Labuan itu dan apa-apa pindaan yang dibuat kepada artikel itu;
 - (iii) mana-mana laporan audit, termasuk mana-mana laporan audit khas, buku akaun, laporan mengenai kedudukan kewangan yayasan Labuan itu dan akaun tahunannya.

(2) Permintaan untuk mendapatkan menerima maklumat atau memeriksa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibuat secara bertulis.

(3) Maklumat dan dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) termasuk—

- (a) semua dokumen yang berhubungan dengan kepentingan yang terletak hak pada benefisiari yang dalamnya terma yayasan Labuan itu atau apa-apa penjalanan kuasa atau budi bicara boleh didapati; dan

- (b) semua pernyataan kewangan yayasan Labuan itu sebagaimana yang ia berhubungan dengan kepentingan benefisiari itu.

Hak benefisiari bagi kerahsiaan

63. (1) Apabila menzahirkan apa-apa maklumat atau dokumen kepada mana-mana benefisiari, anggota majlis, orang yang menyelia atau pegawai yayasan Labuan itu hendaklah—

- (a) jika benefisiari yang lain meminta supaya dipelihara kerahsiaan; atau
- (b) jika anggota majlis, orang yang menyelia atau pegawai itu mengikut budi bicara mutlak mereka memutuskan bahawa kerahsiaan merupakan yang terbaik bagi kepentingan benefisiari yang lain itu,

mengambil segala langkah yang munasabah untuk memelihara hak kerahsiaan benefisiari yang lain itu dengan memberi benefisiari itu sahaja dokumen atau maklumat yang membolehkan hak dan kepentingan atau faedah benefisiari itu di bawah yayasan Labuan itu ditentukan.

(2) Maklumat dan dokumen itu boleh termasuk salinan atau cabutan dokumen konstituen atau dokumen lain yang diperakukan dan salinan nasihat atau pernyataan yang daripadanya nama dan kepentingan benefisiari yang lain itu telah disunting atau dipotong untuk memelihara kerahsiaan yang merupakan hak benefisiari yang lain itu.

Mahkamah boleh memerintahkan maklumat diberikan kepada benefisiari

64. (1) Sekiranya sesuatu yayasan Labuan tidak memenuhi permintaan untuk mendapatkan maklumat di bawah seksyen 62 atau tidak menyediakan dokumen boleh untuk pemeriksaan mengikut seksyen 62 dan 63 dalam masa yang munasabah, Mahkamah boleh, atas permohonan benefisiari itu, memerintahkan—

- (a) supaya diberikan maklumat yang diminta itu; dan

- (b) pemeriksaan dokumen itu, jika wajar, oleh orang yang mempunyai kelayakan profesional untuk menilai maklumat yang terkandung dalam dokumen itu dan melaporkan kepada benefisiari membuat permohonan itu kepada Mahkamah.

(2) Mana-mana anggota majlis, orang yang menyelia atau pegawai sesuatu yayasan Labuan yang tidak mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan pematuhan oleh yayasan Labuan itu akan kehendak seksyen ini, atau dengan perbuatan sengajanya menyebabkan ketidakpatuhan, juga dengan sendirinya bertanggungjawab terhadap ketidakpatuhan tersebut dan hendaklah dikomitkan kepada apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Pembahagian harta kepada benefisiari

65. (1) Kecuali jika dokumen konstituen memperuntukkan selainnya, tiada pembahagian kepada benefisiari boleh dibuat dengan sah melainkan jika ditandatangani oleh semua pegawai yang dilantik.

(2) Pegawai sesuatu yayasan Labuan hanya boleh memberi kuasa pembahagian kepada benefisiari mengikut Akta ini dan dokumen konstituen yayasan Labuan itu.

(3) Tiada pembahagian kepada benefisiari boleh dibuat bagi maksud menggagalkan, atau jika kesan berbuat sedemikian akan menggagalkan, tuntutan mana-mana pemiutang yayasan Labuan itu.

Pewakilan kuasa untuk memberi kuasa pembahagian kepada benefisiari oleh pegawai

66. (1) Kecuali jika dokumen konstituen memperuntukkan selainnya—

- (a) pegawai yang bertindak sebulat suara boleh mewakilkan kepada salah seorang daripada mereka melalui dokumen yang ditandatangani oleh setiap daripada mereka, kuasa pegawai itu untuk memberi kuasa pembahagian kepada benefisiari; dan

- (b) kuasa yang diwakilkan sedemikian di bawah perenggan (a) hendaklah dijalankan sebagaimana yang diperuntukkan dalam dokumen perwakilan kuasa itu.

(2) Subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi pegawai yang kepadanya kuasa diwakilkan bagi penjalanan kuasa itu seolah-olah sebutan dalam subseksyen itu mengenai pegawai yang menjalankan kuasa yang diwakilkan itu ialah sebutan bagi pegawai yang bertindak bersesama.

BAHAGIAN VIII

PEMBUBARAN

Pembubaran

67. (1) Sesuatu yayasan Labuan hendaklah terbubar apabila berlaku hal-hal yang berikut dan apabila pegawai meluluskan suatu ketetapan yang memberi kesan demikian:

- (a) yayasan Labuan itu ditubuhkan bagi jangka masa tertentu dan jangka masa itu telah habis tempoh;
- (b) maksud yayasan Labuan itu telah dicapai atau sudah tidak berupaya untuk dicapai; atau
- (c) mana-mana peruntukan piagam yayasan Labuan itu menghendaki sedemikian,

(2) Jika dicadangkan supaya dibubarkan sesuatu yayasan Labuan menurut peruntukan subseksyen (1), pegawai, atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh piagam yayasan Labuan itu untuk menyelia pembubaran yayasan Labuan itu hendaklah membuat perisytiharan yang bermaksud bahawa mereka telah menjalankan siasatan mengenai hal ehwal yayasan Labuan itu dan berpendapat bahawa yayasan Labuan itu akan dapat membayar sepenuhnya hutangnya apabila dibubarkan.

(3) Suatu perisytiharan yang dibuat sedemikian di bawah subseksyen (2) tidak mempunyai kesan melainkan jika ia dibuat dalam tempoh tiga puluh hari sebaik sebelum diluluskan ketetapan di bawah subseksyen (1).

(4) Pegawai hendaklah menyebabkan supaya diserahkan kepada Lembaga perisytiharan yang dibuat menurut subseksyen (2) berserta dengan suatu salinan ketetapan yang dibuat menurut subseksyen (1) dalam tempoh tiga puluh hari dari kelulusan ketetapan itu.

(5) Melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya di bawah subseksyen 68(2), pegawai hendaklah melakukan segala benda yang perlu bagi penggulangan teratur hal ehwal yayasan Labuan itu, dan hendaklah mengumpul harta yayasan Labuan itu, dan selepas menunaikan atau membuat peruntukan yang secukupnya bagi penunaian obligasi yayasan Labuan itu, hendaklah membahagikan harta yang tinggal mengikut cara yang diperuntukkan dalam seksyen 69.

Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan pembubaran

68. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 65, Mahkamah boleh, atas permohonan yayasan Labuan, atau oleh pemiutang atau pemiutang-pemiutang yayasan Labuan itu atau oleh Lembaga, memerintahkan pembubaran yayasan Labuan itu jika Mahkamah berpendapat bahawa adalah adil dan saksama yayasan Labuan itu dibubarkan.

(2) Jika Mahkamah memerintahkan supaya sesuatu yayasan Labuan dibubarkan di bawah seksyen ini, Mahkamah boleh melantik seorang yang merupakan seorang pelikuidasi yang diluluskan di bawah seksyen 12 Akta Syarikat Labuan 1990 untuk menyelia pembubaran yayasan Labuan itu dan boleh, dari semasa ke semasa, mengarahkan cara pembubaran itu hendaklah dijalankan.

Pembahagian harta

69. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika sesuatu yayasan Labuan dibubarkan dan ada harta yang tinggal selepas pembubarannya, harta itu hendaklah menjadi harta benefisiari yang, mengikut dokumen konstituen yayasan Labuan itu, berhak untuk menerima apa-apa harta yang tinggal selepas pembubaran yayasan Labuan itu.

(2) Dalam hal tiada peruntukan yang berlawanan dalam dokumen konstituen yayasan Labuan itu, jika terdapat lebih daripada seorang benefisiari yang tinggal yang berhak untuk menerima harta yang tinggal, harta yang tinggal itu hendaklah dibahagikan sama rata antara mereka.

(3) Harta yang tinggal hendaklah diuruskan mengikut mana-mana undang-undang berkaitan yang berhubungan dengan wang tidak dituntut yang berkuat kuasa di Malaysia sekiranya—

- (a) tiada benefisiari yang berhak untuk menerima harta yayasan Labuan yang tinggal itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (1);
- (b) benefisiari yang berhak untuk menerima harta yang tinggal itu enggan untuk menerima pemindahmilikan harta yang tinggal itu; atau
- (c) tiada peruntukan yang berkaitan dalam dokumen konstituen yayasan Labuan itu.

BAHAGIAN IX

PERUNTUKAN AM

Fi

70. (1) Lembaga boleh menetapkan fi berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga di bawah Akta ini dan berkenaan dengan fi yang dikehendaki ditetapkan di bawah Akta ini.

(2) Sesuatu yayasan Labuan hendaklah membayar apa-apa fi tahunan yang ditetapkan, pada atau sebelum setiap ulang tahun tarikh pendaftarannya.

(3) Jika sesuatu yayasan Labuan tidak membayar fi tahunan yang disebut dalam subseksyen (2) pada atau sebelum habis tempoh enam bulan dari tarikh pembayaran fi tahunan itu, maka hendaklah dibayar sebagai tambahan kepada fi tahunan itu suatu amaun yang bersamaan dengan lima puluh peratus fi tahunan itu.

(4) Apa-apa fi yang dipungut oleh atau dibayar kepada Lembaga di bawah Akta ini hendaklah menjadi sebahagian daripada dan dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 29 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996.

Kerahsiaan

71. (1) Tiada seorang pun yang dengan apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa rekod, buku, daftar, surat menyurat, dokumen, bahan atau maklumat, yang berhubungan dengan urusan dan hal ehwal yayasan Labuan, boleh memberikan, mendedahkan, memberitahu, menerbitkan atau selainnya menzahirkan kepada mana-mana orang rekod, buku, daftar, surat menyurat, dokumen, bahan atau maklumat itu.

(2) Semua prosiding selain prosiding jenayah, yang berhubungan dengan mana-mana yayasan Labuan yang dimulakan dalam mana-mana Mahkamah di bawah peruntukan Akta ini dan apa-apa rayuan daripada prosiding itu, hendaklah, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, didengar secara tertutup dan tiada butir-butir prosiding itu boleh diterbitkan oleh mana-mana orang tanpa keizinan Mahkamah.

(3) Peruntukan subseksyen (1) tidak terpakai jika penzahiran—

(a) dikehendaki menurut suatu perintah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa dalam apa-apa prosiding, jika perintah itu telah diperoleh melalui permohonan *ex-parte*, yayasan Labuan itu boleh memberitahu orang yang terlibat dengan perintah itu dan apabila diterima pemberitahuan itu, orang yang terlibat itu boleh memfailkan permohonan yang perlu kepada mahkamah untuk menentang perintah itu atau selainnya mematuhi perintah itu dengan sewajarnya;

(b) dikehendaki bagi maksud pelaksanaan fungsi seliaan Lembaga sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996;

(c) adalah menurut seksyen 22 Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990; atau

(d) dengan persetujuan yayasan Labuan itu.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (3), mana-mana orang yang menyalahi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(5) Tiada apa jua pun dalam seksyen ini boleh menghalang mana-mana Mahkamah daripada menjalankan budi bicaranya untuk menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau untuk memberikan apa-apa keterangan dalam mana-mana prosiding di hadapan Mahkamah yang berkaitan dengan prosiding itu.

Hak untuk mendapatkan maklumat

72. (1) Tertakluk kepada peruntukan lain seksyen ini, pegawai atau setiausaha sesuatu yayasan Labuan hendaklah, apabila diterima permintaan, memberikan maklumat yang tepat mengenai kedudukan dan amaun harta yayasan Labuan itu dan pentadbiran yayasan Labuan itu—

- (a) kepada Mahkamah; atau
- (b) kepada Lembaga menurut peruntukan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996;
- (c) kepada pengasas, anggota majlis, orang yang menyelia, atau benefisiari, melainkan jika pegawai itu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang itu membuat permintaan itu dalam keadaan dures.

(2) Walau apa pun terma dokumen konstituen, Mahkamah boleh, atas permohonan yang dibuat kepada Mahkamah, mengehendak hak pengasas, anggota majlis, orang yang menyelia, benefisiari atau mana-mana orang untuk mendapatkan maklumat yang berhubungan dengan yayasan Labuan itu atau boleh membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Jika mana-mana pengasas, anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai, setiausaha, atau benefisiari dikehendaki oleh atau di bawah Akta ini untuk menyerahkan, mengemukakan atau memberikan kepada Lembaga apa-apa maklumat, statistik, penyata atau dokumen, Lembaga boleh menetapkan bahawa ia hendaklah diserahkan, dikemukakan atau diberikan mengikut apa-apa bentuk dan cara dan dalam apa-apa tempoh atau apa-apa lat tempoh atau masa, yang selaras dengan mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga dalam penetapan itu, dan pengasas, anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai, setiausaha, atau benefisiari itu tidak boleh menyerahkan, mengemukakan atau memberikan sebagai benar dan tepat apa-apa maklumat,

statistik, penyata atau dokumen yang diketahuinya, atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai, adalah palsu, tidak tepat atau mengelirukan.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Sulit

73. (1) Kecuali sebagaimana dikehendaki, dibenarkan atau selainnya diperuntukkan oleh Akta ini, Mahkamah, atau dokumen konstituen yayasan Labuan atau sebagaimana perlu bagi maksud yayasan Labuan, dan walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang lain—

- (a) tiap-tiap anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai, atau setiausaha sesuatu yayasan Labuan hendaklah pada setiap masa menganggap dan memperlakukan semua dokumen dan maklumat yang berhubungan dengan sesuatu yayasan Labuan sebagai rahsia dan sulit; dan
- (b) tiada anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai, atau setiausaha sesuatu yayasan Labuan boleh pada bila-bila masa dikehendaki untuk mengemukakan kepada atau di hadapan mana-mana Mahkamah, tribunal, lembaga, jawatankuasa siasatan atau mana-mana pihak berkuasa lain atau untuk mendedahkan kepada mana-mana pihak berkuasa sedemikian apa-apa perkara atau benda yang sampai pada pengetahuannya atau yang berada dalam miliknya kerana apa-apa sebab, jika perkara atau benda itu adalah berhubungan dengan sesuatu yayasan Labuan.

(2) Mana-mana anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai, atau setiausaha sesuatu yayasan Labuan yang, kecuali sebagaimana yang dikehendaki, dibenarkan atau selainnya diperuntukkan oleh Akta ini, Mahkamah, atau dokumen konstituen yayasan, pada bila-bila masa menyampaikan atau cuba untuk menyampaikan apa-apa perkara atau benda yang berhubungan dengan sesuatu yayasan Labuan kepada mana-mana orang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan

74. Tiada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Kesalahan yang berhubungan dengan dokumen yayasan Labuan

75. Mana-mana orang yang membuat pernyataan dalam apa-apa dokumen, bahan, keterangan atau maklumat yang dikehendaki disimpan atau yang dikehendaki supaya disampaikan kepada Lembaga di bawah Akta ini yang adalah palsu atau mengelirukan berkenaan dengan apa-apa fakta material atau yang tidak menyatakan apa-apa fakta material melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau keduanya.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

76. (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu merupakan seorang pengarah atau pegawai dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau yang telah dengan apa-apa cara atau apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal-ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian —

- (a) boleh didakwa secara berasingan atau berseksama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan bagi segala hal keadaan, dia membuktikan —
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan

- (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan usaha wajar untuk mengelakkan berlakunya kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang di bawah Akta ini boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkarannya, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkarannya oleh mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkarannya itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerja orang itu semasa pengajiannya;
- (b) oleh ejen itu apabila bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu semasa pengajian pekerja itu oleh ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu yang bertindak bagi pihak orang itu.

Kuasa mengkompaun

77. (1) Lembaga boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dengan membuat tawaran secara bertulis kepada yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Lembaga suatu jumlah wang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum bagi kesalahan itu dalam apa-apa masa sebagaimana yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa perlanjutan masa yang boleh diberikan oleh Lembaga, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat,

dan apa-apa dokumen atau benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Lembaga, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan mengikut syarat-syarat kompaun.

(4) Semua jumlah wang yang diterima di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Kuasa untuk mengenakan penalti pentadbiran

78. (1) Lembaga boleh mengenakan penalti pentadbiran terhadap mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum membuat keputusan untuk mengenakan apa-apa penalti pentadbiran terhadap mana-mana orang, menyampaikan kepada orang itu suatu notis bertulis yang menghendaknya untuk menunjukkan sebab mengapa penalti pentadbiran itu tidak patut dikenakan terhadapnya.

(3) Jika suatu penjelasan yang memuaskan tidak diterima dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu, Lembaga boleh mengenakan suatu penalti pentadbiran sebanyak amaun yang tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari ketidakpatuhan itu dan amaun itu tidak boleh secara keseluruhannya melebihi sepuluh ribu ringgit.

(4) Jika seseorang tidak membayar suatu penalti pentadbiran yang dikenakan oleh Lembaga di bawah subseksyen (3), penalti yang dikenakan oleh Lembaga itu boleh dibawa guaman baginya dan didapatkan balik sebagai hutang yang tertunggak kepada Lembaga.

Kuasa am untuk menetapkan dan menentukan

79. Jika apa-apa perkara yang dikehendaki ditetapkan atau ditentukan di bawah Akta ini dan tiada cara dinyatakan, ia hendaklah ditetapkan atau ditentukan, mengikut mana-mana yang berkenaan, secara bertulis, dan peruntukan yang berlainan boleh dibuat bagi orang yang berlainan, golongan, kategori atau perihalan orang yang berlainan.

Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan

80. (1) Menteri boleh, atas syor Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi menjalankan sepenuhnya peruntukan Akta ini.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh memperuntukkan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar mana-mana peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh mengadakan peruntukan bagi penalti denda yang tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit.

Kuasa Menteri untuk meminda Jadual

81. (1) Menteri boleh, atas syor Lembaga, dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengubah, memotong, menambah, menggantikan, atau selainnya meminda mana-mana Jadual dan dengan penyiaran itu, Jadual sebagaimana yang diubah, dipotong, ditambah, digantikan atau selainnya dipinda, hendaklah berkuat kuasa dengan sepenuhnya dan berkesan dan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Akta ini dari tarikh penyiaran itu, atau dari tarikh yang kemudian daripada itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Menteri boleh, dalam mengubah, memotong atau menggantikan mana-mana Jadual yang disebut dalam subseksyen (1), mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya perlu.

Kuasa Menteri untuk memberikan pengecualian

82. Menteri boleh, atas syor Lembaga, mengecualikan mana-mana yayasan Labuan daripada mana-mana peruntukan Akta ini dan boleh, dalam memberikan pengecualian itu, mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri.

Tatacara jika tidak ditetapkan

83. Sekiranya apa-apa perbuatan atau langkah dikehendaki atau dibenarkan untuk dilakukan atau diambil di bawah Akta ini dan tiada bentuk atau tatacara ditetapkan sama ada dalam Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, permohonan

boleh dibuat kepada Lembaga bagi mendapatkan arahan tentang cara perbuatan atau langkah itu boleh dibuat atau diambil, dan apa-apa perbuatan atau langkah yang dibuat atau diambil mengikut arahnya hendaklah menjadi pelaksanaan yang sah perbuatan atau langkah itu.

Pemakaian Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996

84. Jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan peruntukan Akta ini dengan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996, peruntukan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 hendaklah mengatasi.

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 8(2)]

Butir-butir Piagam

1. Nama yayasan Labuan
2. Nama dan alamat pengasas atau jika pengasas ialah suatu pertubuhan perbadanan atau perbadanan, tempat ia diperbadankan dan pejabat berdaftar atau pejabat utamanya atau tempat perniagaannya
3. Maksud atau matlamat yayasan Labuan itu
4. Identiti benefisiari atau pengenalpastian suatu badan yang dengannya benefisiari itu akan dipastikan, atau pernyataan bahawa yayasan Labuan itu akan memanfaatkan orang awam keseluruhannya
5. Tempoh, jika ada, yang baginya yayasan Labuan itu akan wujud atau, jika yayasan Labuan itu akan wujud bagi tempoh yang tidak ditentukan, pernyataan mengenai hakikat itu
6. Nama dan alamat setiausaha yayasan Labuan itu di Labuan yang merupakan alamat pejabat berdaftar yayasan Labuan itu mengikut kehendak seksyen 44

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 8(3)]

Peruntukan Piagam

1. Pemeliharaan hak atau kuasa pengasas

2. Pindaan piagam
3. Menghendaki atau membenarkan artikel dibuat
4. Penambahan atau penyingkiran benefisiari
5. Pelantikan majlis, anggota majlis atau orang yang menyelia sama ada sebagai ganti atau tambahan bagi majlis, dan peranan dan kuasa mereka
6. Pengawalseliaan mana-mana orang yang menyelia yayasan Labuan
7. Pelantikan, penamatan pelantikan, tempoh jawatan dan kuasa perwakilan pegawai-pegawai yayasan Labuan
8. Pelantikan, penamatan pelantikan dan tempoh jawatan juruaudit diluluskan kepada yayasan Labuan itu mengikut budi bicara majlis
9. Pembatalan piagam oleh pengasas dan pemulangan harta kepada pengasas

JADUAL KETIGA

[Subseksyen 10(1)]

Artikel Yayasan Labuan

1. Pembahagian harta kepada benefisiari
2. Pengenalpastian mana-mana benefisiari permulaan atau mana-mana benefisiari yang akan ditetapkan pada tarikh kemudian
3. Nilai minimum harta yayasan Labuan itu yang dalam ketiadaannya tiada pembahagian kepada mana-mana benefisiari boleh dibuat
4. Pengenalpastian benefisiari yang tinggal apabila yayasan itu dibubarkan

JADUAL KEEMPAT

[Subseksyen 14(1)]

Dokumen bagi Pendaftaran Yayasan Labuan

1. Pernyataan yang ditandatangani oleh setiausaha yayasan Labuan yang mengandungi butir-butir yang berikut yang dicabut daripada piagam:
 - (a) nama yayasan Labuan
 - (b) tarikh piagam dan tarikh mengenai apa-apa pindaan yang dibuat kepada piagam itu

- (c) maksud dan matlamat yayasan Labuan
 - (d) tarikh artikel yayasan Labuan itu, jika ada, dan tarikh mengenai apa-apa pindaan yang dibuat kepada artikel itu
 - (e) nama dan alamat setiausaha yayasan Labuan itu
 - (f) alamat pejabat berdaftar yayasan Labuan itu
 - (g) tempoh yang baginya yayasan Labuan itu ditubuhkan
 - (h) salinan asal piagam yayasan Labuan
2. Senarai yang mengandungi nama dan alamat pegawai yayasan Labuan
 3. Akuan berkanun oleh setiausaha yayasan Labuan mengenai pematuhan semua kehendak yang berkaitan Akta ini

JADUAL KELIMA

[Seksyen 26 dan 36]

Mesyuarat Majlis dan Mesyuarat Pegawai

Mesyuarat majlis dan mesyuarat pegawai

1. (1) Tertakluk kepada apa-apa had dalam dokumen konstituen, anggota majlis dan pegawai-pegawai sesuatu yayasan Labuan boleh memanggil mesyuarat mengikut apa-apa cara dan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat di dalam atau di luar Labuan sebagaimana yang perlu.

(2) Tertakluk kepada apa-apa had dalam dokumen konstituen, sesuatu mesyuarat majlis dan mesyuarat pegawai-pegawai sesuatu yayasan Labuan boleh diadakan di lebih daripada satu tempat dengan menggunakan apa-apa teknologi yang memberi semua anggota majlis dan pegawai peluang yang munasabah untuk didengar.

Mesyuarat majlis

2. (1) Peruntukan yang berikut hendaklah berkuat kuasa setakat yang dokumen konstituen sesuatu yayasan Labuan tidak membuat peruntukan yang lain baginya berkenaan dengan sesuatu mesyuarat majlis:

- (a) suatu mesyuarat majlis boleh dipanggil melalui notis tujuh hari secara bertulis;
- (b) notis mesyuarat majlis hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap pengasas dan anggota majlis sendiri secara bertulis, melalui pos, melalui faksimile atau secara elektronik di alamat yang terakhir sekali diberikan kepada yayasan Labuan itu bagi maksud penyampaian apa-apa notis;

- (c) mana-mana anggota majlis boleh memanggil mesyuarat;
- (d) kuorum ialah sekurang-kurangnya dua anggota majlis;
- (e) anggota-anggota majlis yang hadir hendaklah melantik seorang pengerusi daripada kalangan mereka; dan
- (f) tertakluk kepada peruntukan Akta ini, anggota-anggota majlis hendaklah meluluskan ketetapan, melalui majoriti biasa undi anggota-anggota majlis, setiap anggota majlis mempunyai satu undi dan pengerusi mempunyai undi pemutus dalam hal undi sama rata.

(2) Semua minit mesyuarat majlis hendaklah direkodkan dan disimpan di pejabat berdaftar.

(3) Apa-apa minit sedemikian sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika berupa ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat yang dalamnya prosiding itu diadakan, atau oleh pengerusi mesyuarat yang berikutnya, hendaklah menjadi keterangan mengenai prosiding itu.

(4) Jika minit mesyuarat majlis telah dibuat mengikut peruntukan seksyen ini, mesyuarat itu hendaklah disifatkan telah diadakan dan dimulakan dengan sewajarnya, sehingga dibuktikan sebaliknya.

(5) Perenggan ini tidak terpakai dalam hal majlis yang mempunyai anggota tunggal, dan apa-apa sebutan kepada minit mesyuarat majlis hendaklah menjadi keterangan mengenai suatu keputusan atau arahan majlis berhubung dengan apa-apa perkara mengenai apa-apa hal-ehwal yayasan Labuan itu.

Mesyuarat tahunan pegawai dan mesyuarat pegawai

3. (1) Yayasan Labuan hendaklah, dalam setiap tahun, mengadakan sekurang-kurangnya satu mesyuarat pegawai-pegawai sebagai mesyuarat tahunannya sebagai tambahan bagi mana-mana mesyuarat lain dalam tahun itu, dan hendaklah menetapkan mesyuarat itu sebagai sedemikian dalam notis memanggil mesyuarat itu.

(2) Pengasas, dan anggota majlis atau orang yang menyelia berhak untuk—

- (a) diberitahu mengenai mesyuarat itu;
- (b) membentangkan urusan untuk dipertimbangkan pada mesyuarat itu; dan
- (c) hadir dan didengar pada mesyuarat itu, tetapi tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

Notis mesyuarat pegawai

4. Mesyuarat pegawai-pegawai boleh dipanggil dengan notis tujuh hari secara bertulis dan notis mesyuarat itu hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap pegawai, pengasas, anggota majlis atau orang yang menyelia secara bertulis melalui pos, faksimile atau secara elektronik di alamat yang terakhir diberikan kepada yaysan Labuan itu bagi maksud penyampaian apa-apa notis.

Rekuisisi mesyuarat

5. (1) Pegawai sesuatu yayasan, walau apa pun apa-apa dalam dokumen konstituen yayasan Labuan itu, hendaklah, atas rekuisisi pengasas, anggota majlis atau orang yang menyelia dengan serta-merta mengambil tindakan untuk memanggil mesyuarat pegawai-pegawai.

(2) Rekuisisi itu hendaklah—

- (a) menyatakan matlamat mesyuarat itu;
- (b) ditandatangani oleh orang yang membuat rekuisisi itu; dan
- (c) disimpan di alamat berdaftar yayasan Labuan itu.

(3) Jika pegawai-pegawai tidak, dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh rekuisisi itu, memanggil mesyuarat, orang yang membuat rekuisisi itu boleh memanggil mesyuarat, dengan syarat bahawa mesyuarat itu diadakan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh rekuisisi itu.

(4) Suatu mesyuarat yang dipanggil di bawah perenggan ini oleh orang yang membuat rekuisisi hendaklah dipanggil mengikut cara yang sama, seberapa hampir yang mungkin, dengan cara yang mengikutnya mesyuarat hendaklah dipanggil oleh pegawai-pegawai.

(5) Apa-apa perbelanjaan yang munasabah yang dilakukan oleh orang yang membuat rekuisisi oleh sebab kegagalan pegawai-pegawai untuk memanggil mesyuarat hendaklah dibayar semula kepada orang yang membuat rekuisisi itu oleh yayasan Labuan itu, dan apa-apa jumlah wang yang dibayar semula itu hendaklah ditahan simpan oleh yayasan Labuan itu daripada apa-apa jumlah wang yang kena dibayar atau akan menjadi kena dibayar oleh yayasan Labuan itu sebagai fi atau saraan lain berkenaan dengan perkhidmatan kepada mana-mana pegawai sedemikian yang ingkar.

Kuorum

6. (1) Kuorum bagi mesyuarat pegawai-pegawai ialah kuorum yang ditetapkan dalam dokumen konstituen yayasan Labuan itu.

(2) Jika tiada kuorum ditetapkan dalam dokumen konstituen, mesyuarat pegawai-pegawai hendaklah terbentuk dengan sewajarnya bagi segala maksud jika pada permulaan mesyuarat itu separuh daripada jumlah keseluruhan pegawai hadir sendiri atau melalui orang silih ganti.

Pengerusi mesyuarat pegawai

7. Pegawai-pegawai yang hadir pada mesyuarat itu hendaklah melantik daripada kalangan mereka yang hadir seorang pengerusi.

Ketetapan

8. Pegawai-pegawai pada mesyuarat pegawai-pegawai hendaklah meluluskan ketetapan, tertakluk kepada kehendak Akta ini, melalui majoriti biasa undi yang dibuat oleh pegawai-pegawai itu, setiap pegawai mempunyai satu undi dan pengerusi mempunyai undi pemutus dalam hal undi sama rata.

Tindakan melalui persetujuan pegawai secara bertulis

9. Tertakluk kepada apa-apa had dalam dokumen konstituen, suatu tindakan yang boleh diambil oleh pegawai-pegawai pada mesyuarat pegawai-pegawai boleh juga diambil melalui ketetapan semua pegawai melalui persetujuan bertulis, atau melalui teleks, telegram, faksimile, kawat atau perhubungan elektronik bertulis yang lain, tanpa keperluan apa-apa notis.

Orang silih ganti bagi pegawai

10. (1) Tertakluk kepada apa-apa had dalam dokumen konstituen, seseorang pegawai boleh dengan surat cara bertulis melantik seorang silih ganti yang tidak semestinya perlu seorang pegawai.

(2) Seorang silih ganti bagi seseorang pegawai yang dilantik di bawah subperenggan (1) berhak untuk menghadiri mesyuarat semasa ketiadaan pegawai yang melantiknya dan untuk mengundi atau memberikan persetujuan sebagai ganti pegawai itu.

Minit mesyuarat

11. (1) Setiap yayasan Labuan hendaklah menyebabkan minit semua mesyuarat pegawai-pegawai dicatatkan dalam buku yang disimpan bagi maksud itu.

(2) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat pegawai-pegawai, jika ditandatangani sewajarnya, hendaklah menjadi keterangan mengenai prosiding itu dan diterima sebagai keterangan *prima facie* bagi fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

(3) Jika minit dibuat mengenai mesyuarat pegawai-pegawai mengikut peruntukan perenggan ini, mesyuarat itu hendaklah disifatkan telah diadakan dan dipanggil dengan sewajarnya, dan semua prosiding yang berlaku pada mesyuarat itu disifatkan telah berlaku dengan sewajarnya sehingga dibuktikan sebaliknya.

HURAIAN

Akta Yayasan Labuan 2009 (“Akta”) yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan, pengawalseliaan dan pembubaran yayasan di Labuan dan bagi perkara yang berhubungan dengannya. Konsep yayasan ialah suatu konsep yang diiktiraf secara sah di Negara-negara undang-undang sivil memandangkan sistem undang-undang sivil mengiktiraf konsep mengenai kewajipan secara kontrak bukannya kewajipan secara fidusiari dan ekuiti berbanding sistem *common law*. Oleh yang demikian, Akta akan merangkumi entiti berhubungan dengan asal-usul undang-undang sivil dan menjadikan entiti Labuan lebih diterima dalam kedua-dua sistem *common law* dan undang-undang sivil.

BAHAGIAN I

1. Bahagian I memperkatakan perkara permulaan.
2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta.
3. *Fasal 2* mengandungi takrif perkataan beberapa ungkapan yang digunakan dalam Akta.

BAHAGIAN II

4. Bahagian II memperkatakan pentadbiran Akta.
5. *Fasal 3* memperuntukkan bahawa Lembaga Perkhidmatan Kewangan (sebelum ini dikenali sebagai Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir atau LOFSA) bertanggungjawab bagi pentadbiran Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN III

6. Bahagian III memperkatakan penubuhan sesuatu yayasan Labuan.
7. *Fasal 4* mengadakan peruntukan bagi penubuhan sesuatu yayasan Labuan dengan menandatangani piagam.
8. *Fasal 5* menyatakan keperluan yang perlu dipenuhi oleh seseorang pengasas manakala *fasal 6* memperkatakan benefisiari sesuatu yayasan Labuan.
9. *Fasal 7* mengadakan peruntukan bagi maksud dan matlamat bagi penubuhan sesuatu yayasan Labuan.
10. *Fasal 8* menghendaki tiap-tiap yayasan Labuan mempunyai piagam yang hendaklah ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pengasas dan menyatakan kehendak tentang apa yang sepatutnya dinyatakan dalam piagam sesuatu yayasan Labuan dan peruntukan bagi perkara yang boleh dibuat oleh piagam yayasan Labuan.

11. *Fasal 9* menyatakan peruntukan yang berhubungan dengan pindaan piagam yayasan Labuan jika tiada apa-apa tatacara dalam piagam itu. Demikian juga halnya dalam keadaan tertentu, contohnya, jika persetujuan tidak dapat dicapai bagi apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada piagam itu, jika piagam itu tidak mempunyai peruntukan bagi pindaan atau jika peruntukan seksyen ini tidak dapat dipatuhi kerana pengasas tidak lagi hidup atau wujud.

12. *Fasal 10* memperkatakan perkara yang mengenainya artikel sesuatu yayasan Labuan boleh memperuntukkan, tetapi jika tiada artikel tentang perkara itu, peruntukan tentang perkara itu yang diperuntukkan dalam akta yang dicadangkan hendaklah terpakai.

13. *Fasal 11* memperkatakan cara harta sesuatu yayasan Labuan sepatutnya dipindahkan hakmiliknya dan cara harta yayasan Labuan sepatutnya diuruskan.

14. *Fasal 12* menyatakan kuasa dan obligasi pengasas atau pengasas-pengasas yayasan Labuan.

BAHAGIAN IV

15. Bahagian IV memperkatakan pendaftaran sesuatu yayasan Labuan di bawah Akta yang dicadangkan.

16. *Fasal 13* menyatakan kriteria am bagi nama yang dibenarkan bagi sesuatu yayasan Labuan dan bahawa Lembaga boleh enggan untuk mendaftarkan yayasan jika nama yayasan Labuan itu pada pendapatnya mengelirukan dalam apa cara atau selainnya tidak diingini.

17. *Fasal 14* menyatakan peruntukan berhubung dengan permohonan bagi pendaftaran sesuatu yayasan Labuan.

18. *Fasal 15* mengadakan peruntukan bagi pengeluaran suatu perakuan pendaftaran.

19. *Fasal 16* menyatakan kehendak bagi menyenggara suatu daftar mengenai yayasan Labuan yang didaftarkan di bawah Akta yang dicadangkan.

20. *Fasal 17* menghendaki supaya apa-apa perubahan mengenai butir-butir sesuatu yayasan Labuan yang didaftarkan di bawah Akta yang dicadangkan diberitahu.

21. *Fasal 18* menyatakan kriteria am dan tatacara bagi menukar nama yayasan Labuan. Peruntukan *fasal 18* juga memperuntukkan bahawa yayasan Labuan hendaklah menukar namanya kepada nama yang diluluskan oleh Lembaga dan jika Lembaga meluluskan sedemikian, hendaklah menukarnya dalam masa tiga puluh hari selepas tarikh kelulusan itu atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh Lembaga, melainkan jika Menteri, melalui notis bertulis, membatalkan kelulusan itu.

22. *Fasal 19* memperuntukkan bahawa pertukaran nama sesuatu yayasan Labuan tidak menjejaskan hak dan obligasinya.

23. *Fasal 20* memberi Lembaga kuasa untuk memotong nama yayasan Labuan daripada daftar jika yayasan gagal untuk membayar fi tahunan atau melanggar mana-mana peruntukan Akta dan mengadakan peruntukan bagi tatacara pemotongan nama daripada daftar.

24. *Fasal 21* dan *22* memperkatakan kesan pemotongan nama dan tatacara yang mengawal kemasukan semula dalam daftar nama sesuatu yayasan Labuan yang telah dipotong daripada daftar itu.

25. *Fasal 23* membenarkan sesuatu yayasan yang ditubuhkan di bawah undang-undang negara atau bidang kuasa lain, tertakluk kepada yayasan itu memenuhi kehendak di bawah Akta ini dan undang-undang bidang kuasa yang di bawahnya yayasan itu ditubuhkan, didomisilkan semula di Labuan dan didaftarkan di Labuan seolah-olah yayasan itu telah ditubuhkan di bawah Akta ini.

26. *Fasal 24* membenarkan sesuatu yayasan Labuan yang ditubuhkan di Labuan didomisilkan semula dan didaftarkan di bawah undang-undang Negara lain dengan cara yang diperuntukkan di bawah undang-undang Negara itu.

BAHAGIAN V

27. Bahagian V memperkatakan majlis, pegawai dan setiausaha sesuatu yayasan Labuan.

28. *Fasal 25* mengadakan peruntukan bagi pelantikan suatu majlis yayasan Labuan dan kehendak yang hendaklah dipenuhi sebelum dilantik sebagai anggota majlis.

29. Di bawah *fasal 26* perjalanan suatu mesyuarat majlis hendaklah tertakluk kepada peruntukan Jadual Kelima.

30. *Fasal 27* menyatakan hal keadaan yang seseorang anggota majlis hilang kelayakan.

31. Di bawah *fasal 28*, seseorang anggota majlis yang berhasrat untuk berhenti sebagai anggota majlis, hendaklah memberi notis secara bertulis tentang hasratnya itu.

32. *Fasal 29* memperkatakan pelantikan orang yang menyelia.

33. *Fasal 30* memberi Mahkamah kuasa, atas permintaan pengasas, anggota majlis atau orang yang menyelia yang lain, atau pegawai sesuatu yayasan Labuan, untuk melantik anggota majlis jika pada masa itu tiada anggota majlis dilantik bagi suatu yayasan Labuan atau bilangan anggota yang dilantik kurang daripada yang dikehendaki oleh piagam yayasan Labuan itu.

34. *Fasal 31,32 dan 33* menyatakan kuasa, hak dan kewajipan majlis dan *fasal 34* mengadakan peruntukan bagi sebutan mengenai majlis yang hendaklah terpakai juga bagi anggota majlis yang bertindak bersesama dan berasingan.

35. *Fasal 35* mengadakan peruntukan bagi pelantikan pegawai sesuatu yayasan Labuan dan menyatakan kehendak dan standard yang perlu dipenuhi oleh pegawai yang dilantik sebagai pegawai yayasan Labuan.

36. Di bawah *fasal 36* perjalanan mesyuarat pegawai hendaklah tertakluk kepada peruntukan Jadual Kelima.

37. *Fasal 37* menyatakan hal keadaan yang seseorang pegawai yayasan Labuan hilang kelayakan sebagai pegawai sedemikian.

38. *Fasal 38* menyatakan kewajipan pegawai yayasan, yang antara lain, pegawai yayasan hendaklah mengambil segala langkah dan membuat atau menyebabkan supaya dibuat semua perkara yang perlu untuk mentadbir yayasan dengan sewajarnya supaya dapat mencapai maksud dan matlamat yayasan itu. Jika tiada pelantikan majlis atau orang yang mengawal selia lain, pegawai yayasan yang bertindak bersesama hendaklah menjadi badan yang mengurus tadbir yayasan dan, sebagaimana terhadap pihak ketiga, pegawai yang bertindak sedemikian hendaklah mewakili yayasan.

39. Di bawah *fasal 39*, seseorang pegawai yayasan Labuan yang berhasrat untuk berhenti sebagai pegawai, hendaklah memberi notis secara bertulis tentang hasratnya itu.

40. *Fasal 40* memperkatakan bayaran saraan kepada pegawai sesuatu yayasan Labuan.

41. *Fasal 41* mengadakan peruntukan bagi pelantikan setiausaha kepada yayasan dan menyatakan kehendak dan standard yang hendaklah dipenuhi oleh setiausaha sebelum dilantik sebagai setiausaha kepada sesuatu yayasan.

42. Di bawah *fasal 42*, seseorang setiausaha yayasan Labuan yang berhasrat untuk berhenti sebagai setiausaha, hendaklah memberi notis secara bertulis tentang hasratnya itu.

43. *Fasal 43* menghendaki dokumen yayasan Labuan difailkan melalui setiausaha.

44. *Fasal 44* menyatakan kehendak bagi pejabat berdaftar yayasan Labuan. *Fasal* ini selanjutnya memperuntukkan kaedah penyampaian dokumen kepada yayasan Labuan.

45. *Fasal 45* menghendaki dokumen yang difailkan dengan Lembaga untuk disimpan di pejabat berdaftar yayasan Labuan.

46. *Fasal 46* menguruskan cara bagaimana bentuk rekod yayasan Labuan hendaklah disimpan.

47. *Fasal 47* memperuntukkan bahawa jika apa-apa surat cara atau dokumen yang hendaklah diserahkan dengan Lembaga adalah dalam bahasa selain bahasa Inggeris, terjemahan yang ditentusahkan atau diperakukan dalam bahasa kebangsaan atau Inggeris hendaklah diberikan.

48. *Fasal 48* dan *49* memperkatakan pemeriksaan dokumen yayasan Labuan yang disimpan oleh yayasan Labuan dan Lembaga masing-masing.

BAHAGIAN VI

49. Bahagian VI Akta memperkatakan keupayaan yayasan Labuan.

50. *Fasal 50* memperkatakan keupayaan dan kuasa sesuatu yayasan dan bahawa yayasan yang didaftarkan sewajarnya di bawah Akta ini adalah suatu entiti yang sah dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas namanya sendiri.

51. *Fasal 51* menyatakan cara pengesahan perbuatan yang dilakukan oleh sesuatu yayasan Labuan yang melampaui keupayaannya.

52. *Fasal 52* menyatakan had kuasa pegawai dan majlis untuk mengikat yayasan Labuan. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa sesuatu pihak kepada suatu transaksi dengan yayasan Labuan tidak terikat untuk menyiasat sama ada transaksi itu adalah transaksi yang dibenarkan oleh dokumen konstituen yayasan atau berkenaan dengan apa-apa had tentang kuasa pegawai atau majlis untuk mengikat yayasan atau memberi kuasa kepada orang lain untuk berbuat demikian.

53. *Fasal 53* memperkatakan penyempurnaan kontrak, dokumen oleh yayasan Labuan. Sesuatu yayasan Labuan boleh mempunyai meterai dan, melainkan jika dibenarkan selainnya oleh piagam atau artikel, jika ia mempunyai meterai itu, meterai itu hendaklah dicapkan dalam kehadiran dan disaksikan oleh seorang pegawai, majlis atau penandatanganan yang diberi kuasa oleh yayasan. *Fasal* ini juga mengadakan peruntukan bagi hal keadaan tertentu apabila meterai dikehendaki dan hal keadaan lain yang dokumen tidak perlu dimeterai.

54. *Fasal 54* adalah berhubung dengan penzahiran kepentingan tiap-tiap pegawai yayasan Labuan. Tiap-tiap pegawai yayasan Labuan yang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mempunyai kepentingan dalam sesuatu kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan yayasan Labuan, hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas fakta yang berkaitan telah diketahuinya, mengisytiharkan bentuk kepentingannya di mesyuarat pegawai yayasan Labuan atau menyebabkan supaya diedarkan secara bertulis kepada semua pegawai lain butir-butir kepentingannya kecuali jika pegawai yayasan Labuan terdiri daripadanya sahaja yang merupakan anggota atau pemiutang perbadanan atau firma lain yang berminat dengan kontrak atau kontrak yang dicadangkan itu dengan yayasan itu, jika kepentingan itu boleh dianggap dengan wajar sebagai bukan kepentingan yang material.

55. *Fasal 55* menerangkan takat liabiliti pegawai yayasan dan hal keadaan apabila dia boleh dikecualikan dengan adil bagi kecuaiian, keingkaran, salah laku atau pelanggaran kewajipan, yang di bawah *fasal 56*, Mahkamah boleh melepaskannya, sama ada keseluruhan atau sebahagian, daripada liabilitinya atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Mahkamah. *Fasal 55* memperuntukkan selanjutnya bahawa tiada pegawai yayasan boleh bertanggungjawab secara peribadi bagi apa-apa liabiliti sesuatu yayasan melainkan jika liabiliti itu telah dilakukan akibat kecuaiian melampau, keingkaran sengaja atau salah laku sendiri.

56. *Fasal 57* melarang yayasan Labuan daripada menerima dan berurusan dengan wang daripada aktiviti haram. Dan *fasal* ini selanjutnya menghendaki pengarah, pegawai atau ejen yayasan Labuan untuk menzahirkan kepada Lembaga mana-mana yayasan Labuan yang mempunyai harta atau pendapatan berpunca daripada aktiviti haram.

57. *Fasal 58* memperkatakan kesan pelupusan harta yayasan Labuan secara fraud. Contohnya, jika dibuktikan bahawa yayasan ditubuhkan atau didaftarkan di Labuan, atau harta yang dilupuskan kepada yayasan itu ditubuhkan atau didaftarkan atau dilupuskan oleh pengasas itu dengan niat utama untuk memfraud pemiutang dan berbuat demikian pada masa penubuhan atau pendaftaran atau pelupusan itu berlaku, yang membuatkan pengasas insolven atau tanpa harta yang dengannya tuntutan pemiutang, jika berjaya, boleh diselesaikan.

58. *Fasal 59* menghendaki supaya suatu akaun yang sepatutnya dan rekod lain disimpan oleh yayasan Labuan yang boleh menjelaskan secukupnya mengenai transaksi dan kedudukan kewangan yayasan.

59. *Fasal 60* memperkatakan audit, yang apabila dipohon oleh pengasas, pegawai, majlis, mana-mana orang yang mengawal selia lain atau benefisiari kepada Mahkamah, Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat keterangan *prima facie* bagi kegagalan untuk mematuhi dokumen konstituen atau kehendak Akta ini dalam perjalanan yayasan Labuan, Mahkamah boleh memerintahkan pelantikan juruaudit yang diluluskan untuk menjalankan audit yayasan.

60. *Fasal 61* memperuntukkan bahawa tuntutan atau penghakiman luar negara tidak boleh berkuat kuasa di bawah hal keadaan tertentu. *Fasal* ini selanjutnya memperuntukkan bahawa semua persoalan berkenaan dengan yayasan Labuan yang ditubuhkan dan wujud di bawah Akta ini atau berkenaan dengan pelupusan harta kepadanya, hendaklah ditentukan mengikut Akta ini, tanpa sebutan mengenai undang-undang mana-mana bidang kuasa lain yang dengannya yayasan atau pelupusan itu berkaitan.

BAHAGIAN VII

61. Bahagian VII memperkatakan hak benefisiari untuk mendapatkan maklumat mengenai kepentingannya.

62. *Fasal 62* menyatakan hak benefisiari bagi maklumat mengenai kepentingannya dan *fasal 63* selanjutnya memperuntukkan benefisiari hak kerahsiaan ke atas maklumat atau dokumen yang dizahirkan atas permintaan di bawah *fasal 62*.

63. Di bawah *fasal 64*, Mahkamah boleh, atas permohonan oleh benefisiari, mengarahkan mana-mana anggota majlis, orang yang menyelia, pegawai atau setiausaha yayasan Labuan untuk mematuhi permintaan untuk mendapatkan maklumat di bawah *fasal 62* sekiranya yayasan Labuan tidak mematuhi permintaan itu.

64. *Fasal 65* memperkatakan pembahagian harta kepada benefisiari.

65. *Fasal 66* memperuntukkan bahawa pegawai sesuatu yayasan Labuan yang bertindak sebulat suara boleh mewakili kepada mana-mana seorang daripada mereka melalui dokumen yang ditandatangani oleh setiap daripada mereka, kuasa pegawai untuk memberi kuasa pembahagian harta kepada benefisiari.

BAHAGIAN VIII

66. Bahagian VIII memperkatakan tentang pembubaran sesuatu yayasan Labuan.

67. *Fasal 67* menyatakan tatacara dan hal keadaan yang sesuatu yayasan Labuan hendaklah dibubarkan.

68. *Fasal 68* memberi Mahkamah kuasa untuk memerintahkan pembubaran sesuatu yayasan Labuan, atas permohonan yayasan Labuan itu, atau oleh pemiutang atau pemiutang-pemiutang yayasan Labuan itu, jika pada pendapat mahkamah bahawa adalah adil dan saksama untuk yayasan Labuan itu dibubarkan.

69. *Fasal 69* memperkatakan pembahagian harta, jika sesuatu yayasan Labuan dibubarkan dan ada harta yang tinggal selepas pembubarannya, harta itu hendaklah menjadi harta orang yang, mengikut dokumen konstituen, berhak untuk menerima apa-apa harta yang tinggal selepas pembubaran yayasan Labuan itu. Jika tiada peruntukan berlawanan dalam dokumen konstituen sesuatu yayasan Labuan, jika terdapat lebih daripada seorang benefisiari yang tinggal yang berhak untuk menerima harta yang tinggal itu, harta yang tinggal itu hendaklah dibahagikan sama rata antara mereka.

BAHAGIAN IX

70. Bahagian IX memperkatakan peruntukan am.

71. *Fasal 70* bertujuan memberi Lembaga kuasa budi bicara untuk mengenakan bayaran fi di bawah Akta.

72. *Fasal 71* memperuntukkan bahawa semua prosiding (selain prosiding jenayah) berkenaan dengan sesuatu yayasan Labuan hendaklah dijalankan secara tertutup dan bertujuan untuk melarang penzahiran apa-apa maklumat berhubungan dengan hal-ehwal sesuatu yayasan Labuan.

73. *Fasal 73* memperuntukkan bahawa secara amnya tiap-tiap pegawai, anggota majlis, setiausaha atau orang yang menyelia sesuatu yayasan Labuan dan tiap-tiap orang lain hendaklah pada setiap masa menganggap dan memperlakukan semua dokumen dan maklumat yang berhubungan dengan sesuatu yayasan Labuan sebagai rahsia dan sulit walaupun terdapat keadaan apabila maklumat itu dikehendaki supaya diberikan di bawah *fasal 72*.
74. *Fasal 74* memperuntukkan bahawa pendakwaan sesuatu kesalahan boleh dimulakan dengan keizinan Pendakwa Raya.
75. *Fasal 75* memperkatakan kesalahan berhubungan dengan dokumen sesuatu yayasan Labuan.
76. *Fasal 76* memperuntukkan bahawa jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan kesalahan di bawah Akta, pengarah atau pegawai pertubuhan perbadanan itu hendaklah juga bertanggungjawab bagi kesalahan itu.
77. *Fasal 77* memberi Lembaga kuasa, dengan keizinan Pendakwa Raya, untuk mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta dan mengadakan peruntukan bagi bayaran amaun yang dipungut itu ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.
78. *Fasal 78* bertujuan untuk membolehkan Lembaga mengenakan penalti pentadbiran atas mana-mana orang jika diberi Lembaga kuasa untuk berbuat sedemikian di bawah Akta bagi apa-apa ketidakpatuhan peruntukan Akta yang tidak menjadi suatu kesalahan terhadap Akta.
79. *Fasal 79* memperkatakan kuasa am untuk menetapkan dan menentukan di bawah Akta ini jika tiada cara dinyatakan.
80. *Fasal 80* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan semua perkara dan benda yang dikehendaki oleh Akta ini untuk ditetapkan atau diperuntukkan, dan menyatakan penalti yang boleh ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta.
81. *Fasal 81* memberi Menteri kuasa untuk meminda Jadual.
82. *Fasal 82* memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan Akta.
83. *Fasal 83* memberi Lembaga kuasa untuk menentukan prosedur jika tiada tatacara ditetapkan atau tiada prosedur diperuntukkan di bawah Akta berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau langkah yang dikehendaki atau dibenarkan dibuat di bawah Akta.
84. *Fasal 84* memperuntukkan bahawa jika terdapat apa-apa ketidaseselarasan antara peruntukan Akta dengan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 [*Akta 545*], peruntukan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 hendaklah mengatasi.
85. Jadual Pertama dan Kedua bertujuan menyatakan butir-butir dan peruntukan yang perlu ada dalam piagam sesuatu yayasan Labuan.

86. Jadual Ketiga bertujuan untuk menyatakan perkara yang boleh diperuntukkan dalam artikel sesuatu yayasan Labuan.

87. Jadual Keempat bertujuan untuk menyatakan dokumen yang hendaklah dikemukakan berserta permohonan bagi pendaftaran yayasan Labuan.

88. Jadual Kelima bertujuan untuk menyatakan tatacara dan prosiding mesyuarat majlis dan mesyuarat pegawai.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2672]